



Hujung Minggu

پروونی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.42 | SUBUH 4.52 | SYURUK 6.09 | DUHA 6.31 | ZUHUR 12.14 | ASAR 3.22 | MAGHRIB 6.16 | ISYAK 7.25 Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 67 BILANGAN 115

24 SEPTEMBER 2022 / 1444 صفر 27

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

MANISNYA IMAN مانیسش ایمان
"WAHAI manusia! Makanlah makanan daripada apa yang ada di bumi yang halal lagi baik dan janganlah kamu mengikut jejak langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu ialah musuh nyata bagi kamu".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 168.

DYTM DIKURNIAKAN LENCANA TERJUN PAYUNG 'BRITISH MILITARY PARACHUTE WINGS'

Siaran Akhbar :
Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor /
Morshidi, Mohd. Zul-Izzi
Haji Duraman

LONDON, UNITED KINGDOM, Jumaat, 23 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Saladul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini, berangkat menghadiri Majlis Penutup Kursus Asas Terjun Payung 1317 dan Pengurniaan Lencana Terjun Payung 'British Military Parachute Wings' bagi paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen yang berlangsung di Royal Air Force (RAF) Brize Norton, Oxfordshire, United Kingdom (UK).

>> Muka 3



Kebawah DYMM berangkat balik meninggalkan London, UK

LONDON, UNITED KINGDOM, Jumaat, 23 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali

Saifuddien Saladul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini, berangkat balik dari London, United Kingdom (UK).

Sebelum berangkat balik, Doa Selamat

dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

>> Muka 2

Berkenan hantar perutusan tahniah

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 23 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Saladul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Penjaga Dua Masjid Suci, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud, Raja Arab Saudi dan kerajaan serta rakyat Arab Saudi sempena dengan Ulang Tahun Hari Kebangsaan negara tersebut.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Saladul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Penjaga Dua Masjid Suci, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud, Raja Arab Saudi.



Berita Utama



MAJLIS Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Guru

Muka 6



TANAM keyakinan peserta dalam pengajaran Bahasa Arab

Muka 11



RENCANA KEMPEN Kenali Negara Kitani

Muka 27

STATUS COVID-19

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 23 SEPTEMBER 2022

78.4%

3 dos vaksin COVID-19 penduduk umum

61.3%

3 dos vaksin COVID-19 remaja berumur 12-17 tahun

84.9%

2 dos vaksin COVID-19 kanak-kanak berumur 5-11 tahun

231

Jumlah kes sembah 24 jam lalu

224,235

Jumlah kes yang sembah

KEBAWAH DYMM BERANGKAT BALIK MENINGGALKAN LONDON, UK

Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan (kiri). Manakala gambar atas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berangkat balik dari London, United Kingdom.

>> Muka 1

Hadir di Lapangan Terbang Heathrow bagi menyembahkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof dan Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke UK dan Eire, Tuan Yang Terutama

Laksamana Pertama (B) Seri Pahlawan Pengiran Dato Norazmi bin Pengiran Haji Muhammad.

Semasa di London, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat

menghadiri Majlis Resepsi King Charles III dan Istiadat Pemakaman Negara bagi memberikan penghormatan terakhir kepada Her Majesty Queen Elizabeth II yang mangkat pada 8 September 2022.

Baginda juga berangkat ke

Majlis Pengurniaan Lencana Terjun Payung 'British Military Parachute Wings' Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen yang telah menamatkan Kursus Asas Terjun Payung 1317 di Airborne Delivery Wing, RAF Brize Norton.

WAKTU SEMBAHYANG

SEPTEMBER MASIHI	HARI	SAFAR HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	AŞAR	MAGHRIB	İSYAK
24	SABTU	27	4.42	4.52	6.09	6.31	12.14	3.22	6.16	7.25
25	AHAD	28	4.42	4.52	6.09	6.31	12.13	3.22	6.15	7.24
26	ISNIN	29	4.42	4.52	6.09	6.31	12.13	3.22	6.15	7.24
27	SELASA RABIULAWAL	1	4.42	4.52	6.09	6.31	12.12	3.22	6.14	7.23
28	RABU	2	4.41	4.51	6.08	6.31	12.12	3.22	6.14	7.23
29	KHAMIS	3	4.41	4.51	6.08	6.30	12.12	3.22	6.13	7.22
30	JUMAAT	4	4.41	4.51	6.08	6.30	12.11	3.23	6.13	7.22

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI



SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan		
33 °C	33 °C	32 °C
24 °C	24 °C	25 °C
Pekan Bangar		
33 °C	33 °C	32 °C
24 °C	24 °C	25 °C
Pekan Tutong		
33 °C	33 °C	32 °C
24 °C	24 °C	25 °C
Kuala Belait		
33 °C	33 °C	32 °C
24 °C	24 °C	25 °C
WallahuAlam Bissawab		
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		
	www.met.gov.bn	

SIDANG PENGARANG 24 SEPTEMBER 2022

Pentingnya peranan guru

GURU memainkan peranan penting dalam pembangunan negara dari segi membantu melahirkan rakyat berpendidikan dan berpengetahuan. Di Negara Brunei Darussalam Hari Guru disambut pada setiap 23 September untuk memberi penghargaan dan juga memartabatkan guru-guru yang telah banyak menyumbang kepada pembangunan kapasiti tenaga manusia.

Selain daripada mengajar dan menyampaikan pendidikan dan pelajaran mantap guru juga perlu peka terhadap perbezaan yang ada pada anak-anak murid. Seorang guru perlu tahu bahawa setiap kanak-kanak mempunyai kebolehan yang berbeza. Pemahaman ini akan dapat membantu membentuk konsep kendiri yang positif dalam kalangan kanak-kanak dan anak-anak murid. Untuk mengenal pasti perbezaan dalam kalangan anak-anak murid, guru-guru perlu menggalakkan komunikasi dan interaksi di antara diri mereka dengan anak-anak murid mereka.

Kanak-kanak ataupun remaja adalah golongan yang memerlukan banyak bimbingan. Oleh kerana usia yang masih muda dan kurang pengalaman hidup mungkin sahaja mereka sendiri tidak tahu akan kebolehan mereka. Oleh itu, selain daripada ibu bapa, guru juga boleh membantu memberi bimbingan dalam membantu kanak-kanak atau remaja untuk sedar akan keupayaan diri mereka dan juga membantu untuk meningkatkan rasa keyakinan diri yang ada dalam diri mereka. Kanak-kanak atau anak-anak murid yang mempunyai keyakinan diri akan membolehkan mereka menjalankan hubungan sosial yang sihat. Mereka juga akan dapat mengasah kemahiran interaksi yang baik, bijak mengawal emosi dan berhemah dalam bertutur.

Di dalam bilik darjah, seorang guru itu perlu memberi peluang kepada setiap anak murid untuk menunjukkan kebolehannya. Ini akan membantu anak tersebut membina konsep kendiri yang baik dalam diri mereka. Mereka juga perlu diberi peluang untuk mempelajari dan mengenal pasti kebolehan mereka sendiri dengan memberi mereka ruangan atau platform untuk menunjukkan bakat yang sedia ada pada diri mereka.

Di luar bilik darjah, adalah penting untuk guru-guru menggalakkan anak-anak murid untuk ikut serta dalam aktiviti-aktiviti kokurikulum kerana aktiviti-aktiviti sedemikian akan dapat membantu mengembang maju dengan lebih lagi ciri-ciri positif seperti kepimpinan, disiplin, berdiskusi, kecerdasan berfikir, sifat kerjasama dan suka membantu di antara satu sama lain dan lain-lain lagi.

Dorongan guru kepada kanak-kanak ataupun anak-anak murid adalah sangat penting. Begitu juga dengan bimbingan dan nasihat guru. Adalah sangat besar peranan dan tanggungjawab seorang guru itu. Marilah kita sama-sama mengucapkan Selamat Hari Guru kepada semua guru-guru di seluruh negara dan mendoakan agar usaha dan pengorbanan mereka akan mendapat berkat dari Allah Subhanahu Wata'ala. - Ketua Penyuntingan (Nr)

DYTM dikurniakan Lencana Terjun Payung 'British Military Parachute Wings'

Siaran Akbar :
Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd.
Noor / Morshidi, Mohd.
Zul-Izzi Haji Duraman

>> Muka 1

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Mes Pegawai RAF Brize Norton, di sini, dijunjung oleh Air Vice Marshall Suraya Marshall, Air Officer Commanding 2 Group dan Group Captain Gareth Burdett, Commander Air Wing, di mana baginda seterusnya disembahkenalkan kepada Pegawai-pejawai Eksekutif RAF Brize Norton.

Semasa di RAF Brize Norton, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, antara lainnya menyaksikan Pertunjukan Payung Terjun daripada Pasukan



RAF Falcons dan disembahkan taklimat mengenai Keupayaan Payung Terjun UK daripada Course Senior Non-Commissioned Officer / Lead Instructor, Sergeant Lane Miller serta pertunjukan peralatan

keupayaan termasuk Low Altitude Parachute, High Altitude Parachute, Synthetic Training dan tayangan video Basic Parachute Course.

>> Muka 4



KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi menghadiri Majlis Penutup Kursus Asas Terjun Payung 1317 dan Pengurniaan Lencana Terjun Payung 'British Military Parachute Wings' bagi paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas kiri). Manakala gambar atas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung menandatangani buku pelawat.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda berkenan berbual mesra pada majlis berkenaan.



SEKITAR keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada majlis tersebut (atas dan bawah kiri). Manakala gambar bawah, Pertunjukan Payung Terjun daripada Pasukan RAF Falcons.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia ketika disembahkenalkan Course Senior Non-Commissioned Officer / Lead Instructor dan seterusnya menyaksikan peralatan keupayaan Low Altitude Parachute, High Altitude Parachute, Synthetic Training (kiri dan kanan).



KEBAWAH DYMM berkenan berangkat pada Majlis Penutup Kursus Asas Terjun Payung 1317 dan Pengurnian Lencana Terjun Payung 'British Military Parachute Wings' bagi paduka anakanda baginda, DYTM Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen yang berlangsung di Royal Air Force (RAF) Brize Norton, Oxfordshire, United Kingdom (atas kiri, kiri, bawah kiri dan atas). Manakala gambar bawah, DYTM Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen ketika berangkat pada majlis berkenaan.

>> Muka 3

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya berkenan mengurniakan Lencana Payung Terjun 'British Military Parachute Wings' kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen, yang berjaya menamatkan Kursus Asas Terjun

Payung 1317.

Semasa kursus itu, Duli Yang Teramat Mulia, antara lainnya, telah mempelajari teknik penerjunan payung ketenteraan daripada beberapa tenaga pengajar daripada Royal Air Force sehingga DYTM berjaya melakukan aksi lompatan penerjunan payung pada ketinggian 1,000

kaki.

Para peserta kursus juga telah menjalani latihan di Hangar Parachute Training Squadron dan kursus ini berdasarkan dengan penilaian bertulis dan praktikal sebelum sebarang lompatan penerjunan payung dilaksanakan.

>> Muka 5





>> Muka 4

Airborne Delivery Wing, yang berpangkalan di RAF Brize Norton, Carterton, Oxfordshire merupakan sebuah unit latihan Royal Air Force yang menyediakan latihan terjun payung kepada British Armed Forces.

Manakala Parachute Training Squadron telah ditubuhkan pada tahun 1940, adalah merupakan skuadron terbesar di Airborne Delivery Wing, yang melatih para anggota dari permulaan aktiviti terjun payung serta menjalankan latihan berterusan kepada Unit Latihan Pakar.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menyerahkan plak dan menerima pesambahan pada majlis tersebut (atas dan atas kiri). Sementara gambar kiri, Kebawah DYMM dan paduka anakanda baginda berkenan bergambar ramai.

PERLAWANAN BOLA SEPAK PERSAHABATAN ANTARABANGSA TRI-NATION BUKA TIRAI

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Rabu, 21 September. - Skuad Negara Brunei Darussalam tewas 3 - 0 menentang Maldives dalam Perlawan Bola Sepak Persahabatan Antarabangsa Pertama Siri Tri-Nation yang membuka tirai perlawanannya di Belapan dan Padang, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, petang tadi.

Berangkat menyaksikan

perlawanan persahabatan tersebut anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim, di bawah Pasukan Bola Sepak Kebangsaan B16.

Turut berangkat ialah Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad

Pengiran Anak Haji Abdul Rahim bin Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj.

Pada separuh masa pertama perlawanan, pemain kebangsaan negara pada awalnya kelihatan agak lambat memantapkan permainan namun pada akhirnya berjaya melakukan beberapa siri serangan dan mengatur strategi permainan dengan baik.

Walau bagaimanapun, pasukan negara masih gagal menjaringkan sebarang gol memandangkan pasukan lawan menguasai pertahanan mereka dengan baik.

Tatkala memasuki minit ke-36, pemain Maldives, Ibrahim Waheed Hassan membuka tirai jaringan dan seterusnya mengekalkan permainan sehingga berakhirnya separuh masa pertama.

Memasuki separuh masa kedua perlawanan, pasukan negara masih kekal aktif melakukan serangan bertub-tubi, namun masih gagal mencatatkan sebarang gol, sekalipun telah dianugerahkan peluang sepakan penalti di separuh masa kedua itu, namun gagal disempurnakan oleh Hendra Azam.

Nasib belum menyebelahi pasukan negara apabila pemain Maldives, Hamza Mohammad



BERANGKAT menyaksikan perlawanan persahabatan tersebut ialah anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim.

pula berjaya menjaringkan gol kedua pasukan negara mereka di minit ke-73 perlawanan dan sekali lagi gol penamat dijaringkan oleh Hassan Raif Ahmed di tiga minit terakhir masa tambahan sebelum wisel penamat dibunyikan.

Perlawanan seterusnya, Maldives dijadualkan akan bertemu Laos pada Sabtu ini, 24 September, jam 4.00 petang di tempat yang sama.

Pasukan Kebangsaan NBD kini di bawah kendalian Ketua Jurulatih Kebangsaan yang baharu, Mario Rivera Campesino, justeru perlawanan

persahabatan antarabangsa ini sangat penting dan diharapkan dapat membantu semua negara yang terlibat untuk meningkatkan kedudukan FIFA mereka, memandangkan NBD kini pada kedudukan 190, Maldives pada 156 dan Laos 183.

Dalam pada itu, orang ramai adalah dialu-alukan untuk datang dengan memberikan sokongan kepada para pemain.

Tiket-tiket perlawanan boleh dibeli di Rumah FABD sekarang, di mana satu perlawanan untuk BND10, sementara dua perlawanan untuk BND18.



SEBAHAGIAN aksi perlawanan di antara pasukan Negara Brunei Darussalam menentang Maldives dalam Perlawanan Bola Sepak Persahabatan Antarabangsa Pertama Siri Tri-Nation.

MAJLIS DOA KESYUKURAN SEMPENA SAMBUTAN HARI GURU



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan semasa hadir pada Majlis Doa Kesyukuran bersempena dengan Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-32 bagi Tahun 2022 bertempat di Masjid Omar 'Ali Saifuddien (kiri dan atas).

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 September. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Kementerian Pendidikan telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran bersempena dengan Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-32 bagi Tahun 2022 bertempat di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, petang tadi.

Hadir sama pada majlis petang berkenaan, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; dan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji

Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah bagi menghindari sebarang wabak merbahaya dan memohon keselamatan Negara Brunei Darussalam (NBD), diimamkan oleh Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Mohammad Hasnal bin Haji Mohammad yang seterusnya mengimamkan Sembahyang Fardhu Asar Berjemaah.

Manakala, bacaan Ratib Al-Attas dan Doa Kesyukuran oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Begawan Mudim Haji Amran bin Haji Md. Salleh.

Seramai 1,200 orang terdiri daripada para pegawai dan kakitangan termasuk guru-guru dari sekolah-sekolah, makkab-maktab, institusi pengajaran tinggi dan teknikal dari Kementerian Pendidikan dan KHEU menghadiri

majlis berkenaan.

Majlis Doa Kesyukuran berkenaan merupakan salah satu daripada kegiatan-kegiatan keagamaan bersempena dengan Sambutan Hari Guru NBD yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan dan KHEU.

Tema bagi Sambutan Hari Guru pada tahun ini ialah 'Guru Berkualiti Pemacu Transformasi Pendidikan'.

Turut hadir, Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan; Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap di KHEU dan Kementerian Pendidikan, serta ketua-ketua jabatan dan bahagian daripada kedua-dua buah kementerian berkenaan.

NBD, Kerajaan Arab Saudi kukuhkan hubungan melalui sejarah, nilai budaya

JERUDONG, Khamis, 22 September. - Hubungan kerjasama erat antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Kerajaan Arab Saudi terus diperkuatkan lagi melalui hubungan sejarah, nilai budaya dan agama dengan mengekalkan kepentingan masing-masing berdasarkan rasa saling hormat menghormati dan keinginan ke arah keamanan dan kestabilan dunia.

Sehubungan itu, Kedutaan Besar Kerajaan Arab Saudi di NBD telah mengadakan Majlis Resepsi sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Arab Saudi Ke-92 yang berlangsung di Royal Berkshire Hall, Royal Brunei Polo and Riding Club.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke majlis berkenaan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Ketibaan tetamu kehormat majlis dialu-alukan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke NBD, Tuan Yang Terutama Emad bin Abdul Aziz bin Saad Al Muanna.

Terdahulu, bacaan ayat suci Al-Quran dan Surah Al-Fatiyah dibacakan oleh Muhammad Ali dari Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, kemudian diikuti dengan Lagu Kebangsaan kedua-dua buah negara.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Majlis Resepsi sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Arab Saudi Ke-92.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hamzah Mohidin

Acara kemuncak majlis ialah sesi memotong kek disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis, disertai oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Qatar ke NBD, Tuan Yang Terutama Jassim Ali Abdullah Al-Obaidli; Kuasa Usaha Sementara (Charge d'Affaires) Kedutaan Kesultanan Oman, Tuan Sultan bin Mohamed Al Azri dan Kuasa Usaha Sementara (Charge d'Affaires) Kedutaan Kuwait, Tuan Khaled M F N M Al-Farhan.

Pada majlis itu juga, tetamu kehormat majlis telah menerima cenderamata daripada Duta Besar

Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke NBD.

Majlis diserikan lagi dengan tayangan video mengenai Kerajaan Arab Saudi dan juga diadakan pameran yang memaparkan buku-buku, poster, bahan artifak dan gambar-gambar mengenai negara Arab Saudi.

NBD dan Arab Saudi mempunyai bukan sahaja hubungan persahabatan yang erat tetapi juga hubungan persaudaraan serta kerjasama dua hala yang sekian lama terjalin antara negara dan rakyat kedua-dua buah negara.

COVID-19 : 231 kes sembah

Oleh : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 23 September. - Sebanyak 231 kes disahkan sembah, yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembah meningkat kepada 224,235.

Menurut Infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan hari ini, sebanyak satu kes berada di dalam Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.

Sementara itu, tiada kes dicatatkan berada di dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

Bagi Program Vaksinasi pula setakat hari ini, sebanyak 84.9 peratus kanak-kanak yang berumur 5 hingga 11 tahun menerima dua dos vaksin dan sebanyak 61.3 peratus remaja berumur 12 hingga 17 tahun menerima tiga dos vaksin.

Manakala sebanyak 78.4 peratus rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan tiga dos vaksin dan 10.4 peratus telah menerima empat dos vaksin COVID-19.

10.3 peratus penduduk terima 4 dos vaksin

Oleh : Dk. Naqayatul Akma Pg. Haji Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 September. - Sebanyak 220 kes disahkan sembah, yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembah meningkat kepada 224,004.

Menurut Infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan hari ini, sebanyak dua kes berada di dalam Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi dan tidak ada kes berada di dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

Bagi Program Vaksinasi setakat 22 September 2022, sebanyak 84.9 peratus kanak-kanak yang berumur 5 hingga 11 tahun menerima dua dos vaksin dan sebanyak 61.3 peratus remaja berumur 12 hingga 17 tahun menerima tiga dos vaksin.

Sementara itu, sebanyak 78.4 peratus rakyat dan penduduk negara ini mendapatkan tiga dos vaksin dan 10.3 peratus menerima empat dos vaksin COVID-19.

3 kes dalam Kategori 4

Oleh : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 September. - Sebanyak 212 kes disahkan sembah, yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembah meningkat kepada 223,784.

Menurut Infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan hari ini, sebanyak tiga kes berada di dalam Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.

Sementara itu, tiada kes dicatatkan dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

Bagi Program Vaksinasi pula setakat hari ini, sebanyak 84.8 peratus kanak-kanak yang berumur 5 hingga 11 tahun menerima dua dos vaksin dan sebanyak 61.3 peratus remaja berumur 12 hingga 17 tahun menerima tiga dos vaksin.

Manakala sebanyak 78.4 peratus rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan tiga dos vaksin dan 10.3 peratus telah menerima empat dos vaksin COVID-19.

MAJLIS MEMBACA SURAH YAA SIIN, TAHLIL SEMPENA SAMBUTAN HARI GURU KE-32



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 September. - Seramai 300 orang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai termasuk guru-guru dari institusi pendidikan di bawah Kementerian

Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) petang tadi menghadiri Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil yang berlangsung di Kubah Makam Diraja, di sini.

Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa hadir pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil yang berlangsung di Kubah Makam Diraja.

Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Tingkat Khas, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Zulkifli bin Haji Murat, dikuti dengan bacaan Tahlil dan Doa Arwah.

Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenaan adalah bersempena dengan Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-32, Tahun 2022.

Hadir ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri

Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad; serta Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan; Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan dan KHEU serta Ketua-ketua Jabatan dan Bahagian dari KHEU dan Kementerian Pendidikan.



YANG Berhormat Menteri Kesihatan selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan kepada para penerima (kanan dan atas).

YSHHB peduli kebajikan, keperluan masyarakat



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 September. - Selaras dengan dasar penubuhannya, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) terus melaksanakan aktiviti kebajikan khususnya membantu mereka yang memerlukan.

Sehubungan itu, YSHHB hari ini menyampaikan sumbangan yang keseluruhannya berjumlah BND110,450 kepada lima buah keluarga yang terlibat dalam kejadian kebakaran rumah dan bencana alam di beberapa buah kampung di Daerah Brunei dan Muara.

Sumbangan kewangan yang keseluruhannya berjumlah BND32,250 disampaikan kepada Awang Sharizan bin Ibrahim dari Kampung Masin; Dayang Hajah Junaidah binti Mohd. Salleh dari Kampung Anggerik Desa; Pengiran Hajah Jubaidah binti Pengiran Haji Umar dari Kampung Pasai, Pengiran Hajah Aisah binti Pengiran Haji Menudin dari Kampung Menglait dan Dayang Aisah binti Haji Tengah dari Kampung Sungai Kebun.

Sumbangan ini merupakan bantuan segera dihasratkan bagi meringankan beban keluarga mangsa yang terlibat dalam meneruskan kehidupan harian mereka.

Sementara itu, selaras dengan dasar dan tujuan YSHHB dalam

mempertingkatkan syiar Islam di negara ini, sebanyak 74 buah masjid, surau dan balai ibadat menerima sumbangan kewangan khusus bagi mengadakan majlis atau aktiviti sempena Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1444 Hijrah / 2022 Masihi.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 32 buah masjid, surau dan balai ibadat adalah daripada Daerah Brunei dan Muara; 23 buah di Daerah Tutong; lapan buah di Daerah Belait dan 11 buah di Daerah Temburong.

Sumbangan-sumbangan tersebut diterima oleh imam-imam masjid, surau dan balai ibadat berkeraan. Jumlah sumbangan kewangan diberikan keseluruhannya ialah sebanyak BND78,200.

Penubuhan YSHHB ialah sebagai wadah amal jariah atau derma khairat Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan ahli kerabat baginda iaitu sebagai

tanda pemedulian dan kasih baginda kepada rakyat baginda di samping menjadi pembentukan masyarakat di Negara Brunei Darussalam yang sejahtera dan makmur.

Turut hadir pada majlis

tersebut ialah Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) Kementerian Pembangunan, Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB.



SEBAHAGIAN yang hadir pada majlis berkenaan.

AMMTC : KUKUHKAN KERJASAMA TANGANI JENAYAH RENTAS SEMPADAN



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri selaku Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Negara semasa menghadiri Sidang Plenary Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN Mengenai Jenayah Rentas Sempadan (AMMTC) Kali Ke-16 yang telah berlangsung secara maya.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 September. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) selaku *lead agency* yang bertanggungjawab terhadap pelbagai dasar keselamatan negara akan terus menggunakan pendekatan Whole of Nation and Whole of Government dalam menangani pelbagai aktiviti jenayah rentas sempadan yang berpotensi untuk mengugat keselamatan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri di JPM, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral

(B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Negara semasa menghadiri Sidang Plenary Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN Mengenai Jenayah Rentas Sempadan (AMMTC) Kali Ke-16 yang telah berlangsung secara maya, pagi tadi.

Yang Berhormat juga mengetengahkan pelbagai usaha NBD di dalam membanteras kegiatan jenayah rentas sempadan semasa musim pandemik COVID-19 seperti penyeludupan barang-barang tegahan termasuk

darah haram melalui sempadan darat dan kawasan perairan negara.

Sehubungan dengan itu, negara juga telah mencatatkan pencapaian signifikan dalam menangani isu jenayah pemerdagangan orang atau Trafficking in Persons dengan tercatatnya pendakwaan bagi dua kes pemerdagangan orang pada tahun 2022.

Yang Berhormat seterusnya menekankan, adalah penting bagi AMMTC untuk mengukuhkan lagi tahap kerjasama dengan badan-badan sektor ASEAN dan negara-negara rakan dialog ASEAN bagi membantu pelbagai usaha pemulihan dalam era pasca COVID-19, selaras dengan aspirasi di dalam Bandar Seri Begawan Declaration on Combating Transnational Crime Post COVID-19 Pandemic yang telah diluluskan semasa Mesyuarat AMMTC Kali Ke-15 yang dipengerusikan oleh NBD pada bulan September tahun lalu.

Mesyuarat AMMTC Kali Ke-16 dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri dan Minister of the Interior, Kemboja, Tuan Yang Terutama Samdech Kralahom Sar Kheng, dan dihadiri oleh menteri-menteri ASEAN yang bertanggungjawab bagi isu jenayah rentas sempadan.

Mesyuarat turut dihadiri oleh Timbalan Setiausaha Agung

ASEAN bagi Political-Security Community, Tuan Yang Terutama Robert Matheus Michael Tene, dan Tuan Yang Terutama telah memberikan laporan mengenai perkembangan terkini ASEAN, termasuk pelbagai aktiviti yang berlangsung di badan-badan sektor ASEAN yang lain.

Semasa sidang plenary yang berlangsung pagi tadi, menteri-menteri dan ketua-ketua delegasi ASEAN telah meluluskan Terms of Reference of the National Representatives for the implementation of the ASEAN Convention Against Trafficking In Persons, Especially Women and Children (ACTIP).

Terma rujukan tersebut merupakan satu manifestasi komitmen negara-negara ASEAN untuk menangani isu jenayah pemerdagangan orang di rantau ini, sejajar dengan matlamat di bawah ASEAN Convention Against Trafficking In Persons, Especially Women and Children yang telah diratifikasi oleh NBD pada tahun 2020.

Dalam hubungan ini, mesyuarat juga telah mengambil maklum mengenai ASEAN Senior Officials Meeting on Transnational Crime Work Programme to Implement the ASEAN Plan of Action to Combat Transnational Crime 2022-2024 yang telah diluluskan di peringkat Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan ASEAN Mengenai Jenayah Rentas Sempadan (SOMTC).

Mesyuarat pada hari ini juga telah membincangkan status pelaksanaan pelbagai aktiviti di bawah SOMTC, Mesyuarat Ketua-ketua Pengarah Jabatan Imigresen dan Ketua-ketua Bahagian Hal Ehwal Konsular Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (DGICM) dan Persidangan Ketua Polis Negara-negara ASEAN (ASEANAPOL).

Delegasi NBD ke Mesyuarat AMMTC Kali Ke-16 telah disertai oleh Timbalan Menteri di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu, selaku Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Negara; Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-undang), JPM, Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib, dan para pegawai kanan dari JPM.

Mesyuarat AMMTC Kali Ke-16 dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan berlangsung selama tiga hari dari 20 hingga 22 September 2022, bermula dengan mesyuarat-mesyuarat persediaan Preparatory SOMTC yang telah diadakan kelmarin.

Mesyuarat akan diteruskan lagi esok dengan Sesi Konsultasi Bersama Rakan-rakan Dialog AMMTC, iaitu negara-negara +3, Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea.

Mesyuarat AMMTC yang seterusnya akan diadakan pada tahun 2023 di Republik Indonesia.

Kongsi isu bencana semasa, strategi pengurusan bencana sedunia



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mewakili delegasi dari Negara Brunei Darussalam pada persidangan antarabangsa, iaitu Asia-Pacific Ministerial Conference On Disaster Risk Reduction yang diadakan selama empat hari di Brisbane, Australia.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

BRISBANE, AUSTRALIA, Rabu, 21 September. - Negara Brunei Darussalam menerusi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan telah menghadiri persidangan antarabangsa, iaitu Asia-Pacific Ministerial Conference On Disaster Risk Reduction yang diadakan selama empat hari di Brisbane, Australia.

Persidangan berkenaan merupakan anjuran bersama United Nations Office for Disaster Risk Reduction (UNDRR) dan Kerajaan Australia yang bermula pada Isnin, 19 September 2022 yang akan mengetengahkan isu bencana semasa dan strategi pengurusan bencana sedunia.

Persidangan kali ini merangkumi beberapa acara termasuk sesi Ministerial Forum, High-Level Dialogue, Thematic Sessions, simposium dan

pameran.

Lebih daripada 3,000 peserta daripada 40 buah negara telah menyertai persidangan berkenaan secara fizikal dan alam maya.

Persidangan pada tahun ini melibatkan penyertaan daripada menteri-menteri yang bertanggungjawab bagi pengurusan bencana serta para pegawai kanan kerajaan serantau, ketua-ketua agensi dari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan organisasi antarabangsa, institusi penyelidikan, agensi-agensi media, badan-badan sukarelawan antarabangsa serta badan-badan bukan kerajaan antarabangsa.

Persidangan berkenaan dimulakan dengan Ministerial Forum yang dipengerusikan bersama oleh Menteri Pengurusan Kecemasan Australia dan Special Representative of the Secretary-General For Disaster

Risk Reduction, Ms. Mami Mizurtori, Tuan Yang Terutama Mr. Murray Watt.

Mewakili delegasi dari Negara Brunei Darussalam (NBD), Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman, yang turut disertai Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), Awang Salmin bin Haji Burut.

Yang Berhormat juga berkesempatan membuat kunjungan muhibah bersama Tuan Yang Terutama Mr. Murray Watt.

Persidangan juga mengongsikan pengalaman dalam memenuhi dan melaksanakan komitmen mereka terhadap kerangka Sendai bagi Pengurangan Risiko Bencana 2015-2030 dan NBD membangkitkan kepentingan penyelaras dan pengukuran pengadaptasian perubahan iklim serta pengurangan risiko bencana di peringkat kebangsaan.

Yang Berhormat Menteri Hal

Ehwal Dalam Negeri dalam laporannya telah menyampaikan komitmen NBD untuk menyelaraskan dasar pengurusan bencana kebangsaan dengan dasar antarabangsa yang dipersetujui bersama, iaitu Sendai Framework for Disaster Risk Reduction 2015-2030 telah dikongsikan.

Turut disampaikan adalah kedudukan Brunei Darussalam National Climate Change Policy, iaitu dasar kebangsaan dalam meningkatkan kapasiti untuk menangani perubahan iklim dan strategi pengadaptasian kebangsaan kepada impak yang berpunca daripada perubahan iklim bagi jangka masa panjang.

Ini termasuklah strategi Whole of Nation Approach yang turut melibatkan peranan masyarakat, akar umbi dan pelbagai sektor agensi swasta untuk mendukung usaha kerajaan dalam menangani impak daripada perubahan iklim

ke arah pembangunan sosioekonomi yang mampan juga diketengahkan.

Dalam sesi yang berasingan, Pengarah Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC), Kolonel (B) Muhd Harrith Rashidi bin Haji Muhd Jamin serta para pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan NDMC juga telah menghadiri beberapa High-Level Dialogue dan Thematic Sessions yang memberikan peluang bagi para peserta untuk menimba pengetahuan dan juga berkongsi pengalaman serta amalan terbaik dalam pengurusan bencana melalui platform yang interaktif.

Asia-Pacific Ministerial Conference On Disaster Risk Reduction merupakan persidangan sekali dua tahunan anjuran UNDRR bagi mengetengahkan isu dan strategi pengurusan risiko dan bencana antarabangsa.

Tema persidangan pada tahun ini adalah 'From Crisis to Resilience: Transforming the Asia-Pacific Region's Future Through Disaster Risk Reduction'.

Ia memberikan tumpuan kepada tiga pillars, iaitu Investing in Resilience and Preparedness; Shock-Proofed Infrastructure and System; and Resilient Communities.

Thematic Sessions yang berkaitan termasuk Disaster Financing, Infrastructure Resilience dan juga Community Empowerment yang menjadi topik-topik utama di sepanjang minggu persidangan.

Asia-Pacific Ministerial Conference On Disaster Risk Reduction berakhir pada Khamis, 22 September 2022.

LEBIH 120 DELEGASI SERTAI TOWN HALL FORUM

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
 Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 September. - Lebih daripada 120 delegasi terdiri daripada pelbagai sektor ekonomi di Negara Brunei Darussalam (NBD) hari ini telah mengambil bahagian pada Forum Dewan Perbandaran (Town Hall Forum) yang dianjurkan oleh Asia Inc Forum bertempat di Hotel Radisson, Bandar Seri Begawan, di sini.

Forum yang merupakan sebahagian daripada Program TRANSFORM 2022 berkenaan memfokuskan mengenai peluang perniagaan setelah ekonomi NBD kembali daripada pandemik COVID-19, dengan beberapa perbincangan tertumpu kepada pelbagai idea pintar (*smart ideas*) untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan cara-cara membuat persediaan bagi tahun-tahun berikutnya.

Adegan (scene setting) pada



PENGURUSI Asia Inc Forum, Dato Timothy Ong semasa menyampaikan ucapan alu-aluan pada forum berkenaan.

forum berkenaan telah ditetapkan oleh Pengurus Bank Baiduri, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dr. Abdul Fattaah ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah menerusi ucapan pada majlis berkenaan yang bertajuk 'Menavigasi Perubahan'.

Terdahulu, ucapan alu-aluan disampaikan oleh Pengurus Asia Inc Forum, Dato Timothy Ong.

Seterusnya, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin menyampaikan ucaptama selaku tetamu kehormat majlis pada forum berkenaan yang antara lain menjelaskan mengenai perubahan ekonomi terbesar yang berlaku terhadap sektor perindustrian utama.

"Antara sektor yang terjejas ialah pelancongan, makanan, kesihatan, pendidikan dan perdagangan digital," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menerangkan bahawa pandemik berkenaan telah memberikan kerosakan serius kepada industri pelancongan seperti yang dilaporkan oleh Asian Development Bank (ADB), walaupun sebelum wabak, industri berkenaan sentiasa berhadapan dengan cabaran utama.

Berikutnya dengan sekatan perjalanan yang dikenakan oleh negara di seluruh dunia, Yang Berhormat kemudian menjelaskan ia telah memburukkan lagi keadaan bagi industri berkenaan.

"Pandemik COVID-19 juga telah mendedahkan kelemahan kepada sistem makanan kita, yang mana dalam sektor makanan *primary* dan *secondary*, wabak berkenaan telah memberi kesan serius

terhadap pengeluaran tanaman dan pemprosesan yang bergantung kepada buruh pekerja asing.

Sementara, sektor kesihatan terjejas teruk dalam cabaran untuk menggerakkan dan menyusun semula bilangan pekerja kesihatan yang terhad dalam mengawal wabak COVID-19 dan pada masa yang sama memastikan penyediaan berterusan perkhidmatan perubatan dan kesihatan penting yang lain," terang Yang Berhormat lagi.

Bagi sektor pendidikan pula, Yang Berhormat menerangkan semasa awal pandemik, guru-guru dan ibu bapa di seluruh dunia termasuk di NBD serta-merta perlu menukar dan menyesuaikan diri dengan pembelajaran secara dalam talian.

"Walaupun penyelesaian kepada masalah dalam sektor pendidikan adalah inovatif dan responsif, realitinya masih terdapat ketidaksaaman yang boleh menghalang akses kepada pembelajaran dalam talian, terutamanya dalam kalangan komuniti yang kurang berkemampuan dan mereka yang mempunyai pendapatan rendah," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menerangkan krisis pandemik juga telah mempercepatkan kadar perdagangan digital bukan sahaja di peringkat global tetapi juga di NBD, yang mana perdagangan digital telah banyak mengubah cara dan etika perniagaan dijalankan.

Forum berkenaan diteruskan lagi dengan dua perbincangan oleh ahli panel daripada pelbagai pengasas perniagaan tempatan dan luar negara serta tokoh terkemuka.

Perbincangan pertama bertajuk 'Thinking Outside the Box : Interesting Ideas from the Private Sector' dimulakan dengan perspektif daripada Pengasas Jana Kapital, Awang Haji Aidil Salleh; Pengasas BEEP Technologies,



PENGURUSI Bank Baiduri, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dr. Abdul Fattaah ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah pada Forum Dewan Perbandaran (Town Hall Forum) yang dianjurkan oleh Asia Inc Forum. Turut hadir, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Awang Denny Muslim; Pengasas Bersama Rumine Corporation, Dayang Sarinah binti Ziziumiza; Pengasas Bersama EnEvo, Dayang Siti Norasyidah binti Haji Kariya; dan Pengasas Virtualahan Philippines, Ryan Gersava.

Perbincangan kedua pula bertajuk 'Idea Pintar untuk Brunei SMES: Persediaan untuk 2023' yang disampaikan oleh Head of Corporate Banking and Trade Finance, Bank Baiduri, Leonard Lee; Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei, Daniel Leong; Pengasas Lily Imani Enterprise, Eat Well Co. & Home Suite Home Co. RCCA dan BE International, Dayang Liyana Latif; Chief Corporate Strategy Officer, Progresif, Awang Johan bin Dato Dr. Haji Johar; dan Senior Partner, Scaleup Malaysia, Renuka Sena. Forum Dewan Perbandaran

adalah sebahagian daripada program TRANSFORM 2022 Asia Inc Forum dalam perkongsian utama dengan Bank Baiduri sebagai penaja penyampaian: Program TRANSFORM tahunan direka untuk menyokong pemilik perniagaan, usahawan dan pengurusan Brunei dengan menyediakan platform untuk pembelajaran, rangkaian dan perkongsian idea. Ia termasuk siri kelas induk dalam talian yang menampilkan para usahawan dan pakar dari NBD dan luar negara.

Program TRANSFORM 2022 disokong oleh Bank Baiduri, Darussalam Enterprise (DARE) sebagai rakan strategik, Archipelago Group sebagai rakan logistik, Borneo Bulletin dan Media Permata sebagai rakan media digital serta cetakan dan Progresif sebagai penaja perwakilan PKS.

مقرنکن اقليکاسي موده الیه جابتني ڦرعن

Memperkenalkan
**Aplikasi Mudah Alih
 Jabatan Penerangan**

InfoDeptBN

- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
- Pelaksanaan Yang **Cepat Dan Mudah**
- Menjurus Ke Arah **Paperless Dan Green IT**

Gunakanlah Aplikasi Kami!

Dapatkan aplikasi dan muat turun di



'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'

53 PESARA KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI DIRAIKAN



YANG Mulia Pemangku Menteri Kewangan dan Ekonomi hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Cenderamata Persaraan kepada 53 pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya.

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 September. - Majlis Penyampaian Cenderamata Persaraan kepada 53 pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya diadakan petang tadi bertempat di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Commonwealth Drive, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Menteri Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Dato Seri Paduka

Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani; Setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi berserta pegawai dan kakitangan yang telah bersara pada tahun 2021.

Terdahulu, majlis dimulakan

dengan bacaan Surah Al-Fatiha, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Timbalan Setiausaha Tetap (Fiskal dan Korporat), Dayang Hajah Chairani binti Haji Sulaiman selaku Pengurus Majlis.

Dayang Hajah Chairani dalam ucapannya antara lain, merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pesara yang telah menabur bakti di sepanjang tempoh perkhidmatan. Sesungguhnya, kecil atau besar sumbangan bukan menjadi ukuran, tetapi nilai keikhlasan budi dan jasa itulah yang lebih utama.

Sepanjang tempoh bergelar sebagai warga Perkhidmatan

Awam tambahnya, pastinya pelbagai kisah suka dan duka dalam mengharungi cabaran dan rintangan alam pekerjaan telah dilalui.

Walaupun pengalaman para pesara pasti berbeza, tetapi beliau percaya semua pengalaman mereka boleh diceritakan atau dijadikan pedoman untuk generasi muda supaya mereka dapat bekerja dan menjalankan tugas dengan lebih cekap dan efisien dalam memenuhi jangkaan serta menghadapi rintangan serta cabaran pekerjaan di dalam sektor awam.

Semoga segala peristiwa pahit dan manis tersebut tambahnya,

menjadi kenangan yang indah yang terpahat kukuh pada sanubari masing-masing.

Beliau seterusnya menyenyar agar para pesara akan terus memberi sokongan dan dukungan kepada Perkhidmatan Awam khususnya apa-apa juga dasar-dasar kerajaan.

Apa yang penting tekannya lagi, mereka sama-sama berganding bahu menanai hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar Negara Brunei Darussalam akan terus berkembang dan membangun serta mencapai sasaran Wawasan Brunei 2035.

Majlis diteruskan lagi dengan penyampaian cenderamata kepada para pesara yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis seumpamanya diadakan untuk memberi penghargaan kepada para pegawai dan kakitangan yang telah bersara selain menghargai jasa dan bakti yang telah dicurahkan semasa bertugas di Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Di samping itu, ia juga bertujuan bagi mengekalkan silaturahim dan hubungan kekeluargaan antara pegawai dan kakitangan yang telah bersara dan yang masih berkhidmat di Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Majlis pada kali ini diselenggarakan oleh Bahagian Pembangunan Sumber Manusia dan Hal Ehwal Korporat, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Kedutaan AS rai alumni program pertukaran

GADONG, Jumaat, 23 September. - Kedutaan Amerika Syarikat (AS) di Negara Brunei Darussalam (NBD) malam tadi menganjurkan Gala Alumni tahunannya yang kelima bagi meraikan rangkaian program pertukaran Kerajaan AS dan NBD yang melibatkan seramai 435 orang alumni rakyat negara ini, di Hotel Antarabangsa Rizqun.

Lebih 120 orang alumni menghadiri acara itu yang menonjolkan pencapaian mereka dalam pelbagai bidang dan membolehkan peserta menjalin rangkaian antara satu sama lain.

Rakyat NBD telah mengambil bahagian dalam program pertukaran tajaan Kerajaan AS sejak tahun 1984 apabila negara ini dan AS menjalinkan hubungan diplomatik rasmi.

Beberapa peserta telah menjadi Menteri Kabinet, kapten industri, dan pemimpin masyarakat

PUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Amerika Syarikat ke Negara Brunei Darussalam bergambar ramai bersama para pemenang pada majlis tersebut.

sivil.

Program-program yang disertai oleh rakyat Brunei termasuk Program Pelajar Asing Fulbright dan Program U.S - ASEAN Visiting Scholar Fulbright; Program Kepimpinan Pelawat Antarabangsa (IVLP); Program Pemimpin Belia Asia Tenggara (SEAYLP); Inisiatif Pemimpin-pemimpin Muda Asia Tenggara (YSEALI); Global Undergraduate Exchange Program (Global UGRAD); dan United States Institutes for Scholars Program



(SUSI).

"Alumni-alumni kami adalah pemimpin dalam bidang masing-masing dan terus memanfaatkan pengalaman pertukaran mereka untuk bekerjasama merentas negara dan budaya, memperkasakan orang lain dan berusaha ke arah membina dunia yang lebih aman dan inklusif," kata Duta Besar Istimewa dan Mutlak AS ke NBD, Puan Yang Terutama Caryn McClelland semasa menyampaikan ucapan pada acara berkenaan.

Gala Alumni turut mengetengahkan para pemimpin muda menerusi hadiah yang disampaikan bagi pertandingan menulis esei yang dianjurkan bersama oleh Kedutaan AS di NBD dan Persatuan Guru-guru Bahasa Inggeris Brunei (BELTA).

Topik esei tertumpu kepada kepimpinan belia dalam menangani perubahan iklim dan

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi. Azraie Pg. Haji Nikman

membangunkan daya tahan.

Pertandingan tersebut dibahagikan kepada dua kategori iaitu Kategori 'A', bagi Tahun 7 dan Tahun 8; serta Kategori 'B' bagi Tahun 9 dan Tahun 10.

Shannen Xavier Tsen Jia Ee dari Sekolah St. Andrew dan Lee Jun Siong dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS) dinobatkan johan pertandingan masing-masing bagi Kategori 'A' dan Kategori 'B'.

Manakala tempat kedua diraih oleh Sarah Elyana Mohamed Fairuz dari Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah bagi Kategori 'A'; dan Mohammad Daniel bin Bahrain dari MSPSBS bagi Kategori 'B'.

Sementara itu, tempat ketiga dimenangi oleh Nur'Ain Eyshal binti Bahrain dari MSPSBS

bagi Kategori 'A'; dan Aaliyha binti Yusrezal juga dari MSPSBS yang memenangi bagi Kategori 'B'.

Melalui Biro Hal Ehwal Pendidikan dan Kebudayaannya, Department of State AS telah menjalankan lebih daripada 100 program yang membawa peserta antarabangsa ke AS dan menghantar rakyat Amerika ke seluruh dunia.

Program-program ini termasuk pertukaran profesional, sektor swasta, akademik, kebudayaan dan belia.

Department of State, melalui Kedutaan AS di NBD, mengiktiraf bahawa pertukaran bebas budaya, maklumat dan idea boleh memberi impak positif yang meluas dan jangka panjang ke atas pengendalian hubungan antarabangsa.



ANTARA yang hadir pada majlis tersebut.

P.H.C.Q BRUNEI ANJURKAN MAJLIS KHATAM AL-QURAN

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 23 September. - Persatuan Halaqah Cinta Al-Quran Brunei (P.H.C.Q) pagi tadi mengadakan Majlis Khatam Al-Quran Kali Ke-11 sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-76, Tahun 2022, dan Sambutan Hari Guru Kali Ke-32 Tahun, bertempat di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah (MRSB), Kampung Sungai Akar.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti

Pengiran Dato Paduka Hajji Sani.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan bacaan Sayyidul Istighfar sebanyak satu kali, dan Selawat Tafrijiyah sebanyak tiga kali yang dipimpin oleh Dayang Hajah Khadijah binti Hajji Salat.

Kemudian majlis disusuli dengan bacaan Doa Sebelum Membaca Al-Quran dan Surah Al-Fatiha yang dipimpin oleh Dayang Hajah Salmah binti Hajji Ithnin dan seterusnya memulakan bacaan surah-surah dimulai dari Surah Adh-Dhuha hingga An-Nas beramai-ramai.

Seterusnya, Doa Khatam Al-Quran dibacakan oleh Dayang



YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal) semasa hadir pada Majlis Khatam Al-Quran Kali Ke-11 sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-76, Tahun 2022 dan Sambutan Hari Guru Kali Ke-32 Tahun di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar.

Hajah Hilma, dan disusuli dengan Dikir Syarafil Anam yang dikepalai oleh Dayang Hajah Rokiah binti

Haji Ismail.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan

Negara Brunei Darussalam yang dipimpin oleh Dayang Hajah Norsinah binti Haji Hussin.

Tanam keyakinan peserta dalam pengajaran Bahasa Arab



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama semasa hadir pada Majlis Perasmian Bengkel Pengenalan Awal Pengajaran Bahasa Arab.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 September. - Keperluan keberkesanan pengajaran Bahasa Arab di peringkat sekolah rendah ugama adalah sangat penting untuk diambil perhatian sebagai asas permulaan kepada peringkat selanjutnya sama ada pelajar berkenaan meneruskan pendidikan di sekolah Arab ataupun tidak.

Kajian telah membuktikan, faktor umur kanak-kanak dalam mempelajari sesuatu bahasa memberikan kesan yang sangat signifikan.

Oleh itu, adalah wajar untuk kita memanfaatkan umur murid di peringkat sekolah ugama kerana mereka lebih cepat menerima bahasa yang dipelajarinya dengan lebih berkesan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan menekankan perkara tersebut semasa berucap pada Majlis Perasmian Bengkel Pengenalan Awal Pengajaran Bahasa Arab (PAPBA) yang berlangsung di Dewan Tarbiah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

(KUPU SB), di sini.

Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim seterusnya menyatakan bahawa perkembangan bahasa Arab dan peredaran masa telah meletakkan bahasa Al-Quran berkenaan sebagai salah satu bahasa utama dunia.

Di negara kita jelasnya, mata pelajaran Bahasa Arab telah pun diperkenalkan di semua peringkat pendidikan bermula daripada pendidikan rendah ugama hingga peringkat pengajaran tinggi.

"Ini bermakna pendidikan Bahasa Arab merupakan suatu yang bersifat dinamik dan berkembang," jelasnya lagi.

Yang Mulia percaya dengan komitmen dan keupayaan pihak KUPU SB, Bengkel PAPBA berkenaan yang perisianya memberikan pengetahuan asas yang terpenting dalam pengajaran Bahasa, iaitu persediaan mengajar; contoh kaedah pengajaran Bahasa Arab; dan penilaian bahasa Arab akan menambah nilai corak gaya pengajaran yang berkesan agar segala matlamat dapat dicapai secara optimum.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Hamzah Mohidin

Apa yang penting tegasnya, adalah nilai positif perlu ada dalam setiap guru bagi bersiap sedia untuk sentiasa berusaha mempertingkatkan dan melengkapkan diri dengan kemahiran asas dan memahami pengetahuan kandungan pedagogi.

Oleh itu tambahnya lagi, kepada para peserta yang terlibat, iaitu guru-guru ugama yang dianamanahkan mengajar bahasa Arab di sekolah-sekolah ugama seluruh negara selamat mengikuti bengkel berkenaan dan semoga segala ilmu yang ditimba nanti dapat memantapkan kaedah pembelajaran serta pengajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah ugama.

"Keiltizaman, kesungguhan dan kesediaan biskita memikul amanah yang mulia ini dengan mengajar Bahasa Arab kepada anak bangsa selama ini adalah sangat-sangat dihargai," ujar Yang Mulia lagi.

Yang Mulia juga melihat usaha KUPU SB dengan kerjasama Jabatan Pengajian

Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam menjayakan bengkel berkenaan adalah sangat signifikan bertujuan meningkatkan kualiti daripada aspek kapasiti guru-guru ugama secara terarah kepada matlamat yang jelas, iaitu guru-guru yang mengajar dengan berkesan.

Majlis diteruskan lagi dengan penyampaian sijil kepada 20 peserta Bengkel Lughatul Mu'allim siri 5.0 tahun yang diadakan pada tahun 2021.

Bengkel PAPBA adalah sebuah program yang direka berbentuk bengkel intensif sebagai pengenalan awal dalam jangka masa pendek yang diharasarkan untuk menampung keperluan khas guru dari segi pengetahuan dan kemahiran asas pedagogi yang disampaikan melalui kuliah, perbincangan dan latihan singkat.

Matlamat utama bengkel berkenaan adalah bagi menanamkan keyakinan peserta dalam pengajaran Bahasa Arab, selain memberi kefahaman



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama semasa berucap pada bengkel tersebut.

mengenai konsep asas mendidik, mengajar dan melatih serta penyediaan rancangan pengajaran Bahasa Arab.

Turut hadir, Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar, para pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Ugama dan KUPU SB dan mahasiswa serta mahasiswi KUPU SB.



SEKITAR Bengkel Pengenalan Awal Pengajaran Bahasa Arab.



NASIONAL

15 PEGAWAI PPDB DINAIKKAN PANGKAT

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 September. - Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, seramai 15 pegawai polis telah dinaikkan pangkat yang

berkuat kuasa bermula pada 17 September 2022.

Majlis yang diadakan di Dewan Banket Mes, Kompleks Ibu Pejabat Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) itu dihadiri oleh Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hamali dan isteri.

Turut hadir ialah Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato

Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin dan isteri; pengarah-pengarah dan timbalan pengarah jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan ahli keluarga pegawai yang diraikan.

Pegawai-pegawai PPDB itu terdiri dari seorang pegawai dinaikkan pangkat ke Penolong Pesuruhjaya Polis (Assistant Commissioner of Police), empat pegawai dinaikkan pangkat ke Penguasa Kanan Polis (Senior Superintendent of Police), lapan pegawai dinaikkan pangkat ke Penguasa Polis (Superintendent of Police) dan dua pegawai dinaikkan pangkat ke Timbalan Penguasa Polis (Deputy Superintendent of Police).

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang dipimpin oleh Imam Surau Polis Gadong, APO Staf Sarjan 6472 Mohammad Yusri bin Haji Abu Bakar.

PESURUHJAYA Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) semasa hadir pada Majlis Kenaikan Pangkat bagi seramai 15 pegawai polis yang diadakan di Dewan Banket Mes, Kompleks Ibu Pejabat PPDB (atas kiri dan kiri).

Keselamatan di stesen minyak jadi keutamaan



SETIAUSAHA Tetap (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri menyampaikan sijil kepada salah seorang penerima pada Hari Juara Servis (Service Champion Day) bertempat di Tarindak D'Seni.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 September. - Autoriti Petroleum Negara Brunei Darussalam sebagai pengawal selia sektor minyak dan gas, akan sentiasa memberi sokongan kepada stesen-stesen minyak untuk sama-sama meningkatkan tahap keselamatan dengan melibatkan dan meningkatkan pemantauan berterusan ke stesen-stesen minyak.

Pihak Autoriti Petroleum Negara Brunei Darussalam secara berterusan membuat pemantauan berjadual ke stesen-stesen minyak di negara ini, dan perkara-perkara penambahbaikan yang dikenal pasti hasil daripada pemantauan tersebut telah pun dikongsikan kepada pihak stesen minyak dan Syarikat Pemasaran Brunei Shell Sendirian Berhad (BSM) dalam sama-sama memastikan stesen-stesen minyak di negara ini mempunyai standard keselamatan yang tinggi bagi menjamin keselamatan pekerja stesen khasnya dan orang ramai sebagai pengunjung ke stesen minyak.

amnya.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Setiausaha Tetap (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Haji Azhar bin Haji Yahya semasa Hari Juara Servis (Service Champion Day) bertempat di Tarindak D'Seni, di sini.

Berucap selaku tetamu kehormat majlis, Awang Haji Azhar seterusnya berkata, Pihak Autoriti Petroleum Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Jabatan Pengangkutan Darat, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi telah mendukung inisiatif BSM dalam mengeluarkan poster-poster peringatan di stesen-stesen minyak sebagai salah satu langkah untuk memberikan perasaan selamat serta menambah keyakinan kepada Juara Servis dan juga Retail HSSE Ambassador dalam menjalankan tugas untuk memberikan peringatan atau teguran kepada pelanggan yang tidak mematuhi peraturan semasa berada di Stesen Minyak.

Terdahulu itu, Awang Haji Azhar

menjelaskan, Juara Servis (Service Champion) memainkan peranan yang sangat penting seperti nama yang telah diberikan kepada mereka - Juara, dalam memastikan kesempurnaan perkhidmatan dan keselamatan di stesen minyak sentiasa terjaga bukan sahaja sebelum, semasa dan selepas proses penjualan minyak tetapi juga keselamatan bagi sesiapa saja yang berada di stesen minyak tersebut.

Keprihatinan dan mutu layanan Juara Servis tambahnya, dalam memastikan keselamatan orang ramai amat saya kagumi, kerana mereka ini sentiasa terdedah kepada pelbagai cabaran dan karenah pelanggan yang mungkin kadang kalanya menguji kesabaran mereka.

Seramai 37 Duta HSSE

Retail juga telah dilantik dan menerima sijil masing-masing yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Duta HSSE Retail antara lain bertanggungjawab untuk perlaksanaan proses dan pematuhan kepada peraturan HSSE termasuk memantau dan melaporkan prestasi HSSE di stesen masing-masing, dan

seterusnya memberi bimbingan kepada juara servis yang lain tentang keselamatan di stesen minyak untuk sama-sama menyampaikannya kepada orang ramai, sama ada yang datang untuk membuat pengisian minyak, berkunjung ke kedai dan sebagainya.

Sementara itu, seramai enam orang yang terdiri daripada pengurus dan pemilik stesen, juga menerima sijil mereka masing-masing setelah

menamatkan Kursus Retail Start Up yang julung-julung kali diadakan di bawah program Retail Academy BSM dan telah berjalan selama dua minggu.

Kursus tersebut diperkenalkan dengan tujuan untuk memberikan pengenalan, kefahaman serta kemahiran dalam pengurusan perniagaan stesen minyak. Ia akan

membolehkan pemilik, pengusaha dan pengurus stesen untuk memahami kepentingan prestasi dan bagaimana cara berusaha untuk memperbaikinya mengikut piawaian dan garis panduan yang ditetapkan.

Sebagai rakan kongsi mobiliti yang dipercayai dan komited, keselamatan tetap menjadi keutamaan kepada BSM.

Pada Mac 2022, BSM telah mencapai 7 juta jam tanpa LTI dan komitmen ini diperkuuh lagi kepada orang ramai dengan pelancaran kempen kesedaran keselamatan Isi Selamat, Rasa Selamat (Fill Safe, Feel Safe) siri keempat BSM untuk menyediakan persekitaran dan pengalaman mengisi minyak yang selamat kepada semua pelanggan yang melawat sebagai serta Juara Servis di Stesen Retail Shell.

Kempen 2022 Isi Selamat, Rasa Selamat merupakan program selama empat minggu yang dianjurkan bersama Pihak Berkusa Petroleum Brunei Darussalam dan disokong oleh pelbagai agensi kerajaan seperti Jabatan Tenaga di JPM, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) dan Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (NRSC), Pasukan Polis Diraja Brunei, serta penglibatan Stesen Retail Shell di Brunei.

Matlamat kempen adalah untuk mewujudkan kesedaran awam tentang keselamatan di stesen runcit Shell, mengukuhkan budaya pematuhan di semua Stesen Retail Shell dan menekankan kesejahteraan Juara Servis dan keselamatan mereka dalam melaksanakan tugas mereka.



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong selaku Pengerusi Majlis berucap pada Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Lamunin, Mukim Lamunin.

TUTONG, Jumaat, 23 September. - Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Lamunin, Mukim Lamunin diadakan hari ini bertempat di Balai Raya Kampung Lamunin, di sini dengan menggunakan kaedah tablet (*offline voting*) dan kertas undi (*ballot papers*).

Manakala pengundian menggunakan aplikasi mudah alih e-Undi PMKK telah pun bermula pada Rabu, 21 September 2022 yang lalu.

Penaiktarafan aplikasi PenggunaBijak lebih bermaklumat, interaktif

Siaran Akhbar dan Infografik :
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 23 September. - Menerusi siaran akhbar Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi bertarikh 22 September 2022 melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna telah menaik taraf aplikasi mudah alih PenggunaBijak yang diharatkant dapat menjadi alat digital maklumat pengguna yang digunakan secara harian.

Dengan moto 'Maklumat Memperkasa Pengguna', penaiktarafan aplikasi PenggunaBijak bertujuan bagi memanfaatkan penggunaan platform digital dengan menambah baik aplikasi berkenaan melalui meningkatkan *user experience* dan *visibility* maklumat pengguna dalam usaha bagi memperkasa dan memupuk budaya Pengguna Bijak dalam kalangan orang ramai.

Penaiktarafan aplikasi PenggunaBijak menawarkan lebih

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang diketuai oleh Imam Masjid Kampung Lamunin, Awang Abdul Wafi bin Haji Awang.

Majlis kemudian diteruskan dengan ucapan daripada Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Ajmin bin Haji Meludin selaku Pengerusi Majlis yang antara lain menjelaskan bahawa adalah menjadi tanggungjawab sebagai seorang penduduk kampung untuk datang

mengundi setuju atau sebaliknya.

"Pendapat orang awam yang mana tidak mengundi sekiranya tidak setuju dengan calon yang diundi merupakan pendapat yang perlu diperbetulkan.

"Ketidakhadiran untuk mengundi bermakna ia tidak dicatat dan tidak mencerminkan suara keseluruhan penduduk-penduduk kampung yang sebenar sekiranya tidak ramai yang hadir untuk mengundi," ujarnya.

Calon tunggal yang layak bagi mengisikan jawatan Ketua Kampung Lamunin ialah Awang Saini bin Haji Othman, berusia 52 tahun. Beliau pernah berkhidmat di Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sebelum bersara.

Seramai 224 penduduk Kampung Lamunin daripada seramai 484 orang yang berdaftar dan layak mengundi telah mengundi calon untuk mengisikan jawatan Ketua Kampung Lamunin.

Daripada pengundian tersebut, seramai 28 orang telah mengundi menggunakan aplikasi mudah alih e-Undi PMKK, manakala

Turut hadir, Pegawai Kanan Kementerian Hal Ehwal Dalam

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim



SUASANA Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Lamunin, Mukim Lamunin diadakan di Balai Raya Kampung Lamunin.

Negeri (KHEDN) dan Pemangku Pemimpin di bawah Mukim Lamunin beserta penduduk kampung.

Keputusan Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Lamunin akan dihadapkan ke Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tata tertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, KHEDN bagi proses selanjutnya.

FUNGSI INTERAKTIF

1 CARI & CADANG

Tidak menjumpai barang yang dicari?

Hantar

Tidak menjumpai premis perniagaan yang dicari?

Hantar

Pilih Susunan

Susun mengikut:

- Nama Kedai
- Harga
- Kemas Kini Terbaru

Susun mengikut:

- Minolek
- Mensan

Pilih daerah:

Topis mengikut Daerah

Pilih daerah:

- Semua
- Brunei & Muordi
- Tutong
- Belait
- Temburong

TAPIS

2 SUSUN



Muat turun sekarang di

App store & Google play

Muat turun sekarang di

App store & Google play

Muat turun sekarang di

App store & Google play

Muat turun sekarang di

App store & Google play

Perbuatan tidak berdasas pelanggan tular

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BELAIT, Jumaat, 23 September. - Balai Polis Kuala Belait, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) sedang menjalankan siasatan berhubung video tular yang memaparkan beberapa orang individu melakukan perbuatan yang tidak berdasas semasa berada di dalam sebuah kedai pasar raya di kawasan Pandan 7, Kuala Belait pada 22 September 2022.

Menerusi dua sesi rakaman video tersebut, kelihatan empat individu (suspek) telah membuat rakaman mereka sendiri dengan melakukan perbuatan mengambil dan membuka botol minuman yang berada di ruangan penjualan minuman lalu meminumnya dan kemudian meletakkannya kembali.

Siasatan kemudian dijalankan dan telah berhasil membuat penahanan ke atas kesemua suspek bagi membantu pihak polis menjelaskan serta membuat siasatan lanjut terhadap insiden di sebalik perbuatan suspek di

tempat berkenaan.

Kes ini disiasat di bawah Seksyen 35 Akta Ketenteraman Awam Penggal 148 iaitu menyiar maklumat palsu yang mana menimbulkan kebimbangan dan kekacauan orang ramai.



BALAI Polis Kuala Belait, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) sedang menjalankan siasatan berhubung video tular yang memaparkan beberapa orang individu melakukan perbuatan yang tidak berdasas semasa berada di dalam sebuah kedai pasar raya di kawasan Pandan 7, Kuala Belait pada 22 September 2022.

PPDB akan sentiasa berusaha dalam menjalankan pemantauan, menjajak dan mengesan sebarang kegiatan-kegiatan yang bersalah di samping membuat penangkapan ke atas penjenayah-penjenayah yang berhasrat untuk mengganggu ketenteraman dan kesejahteraan di negara ini.



BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Ilmu adalah pelita hidup yang amat penting dan sangat berguna dalam kehidupan kita. Ini kerana ilmu akan dapat membantu kita berjaya di dunia dan juga di akhirat.

Apabila kita memperkatakan tentang ilmu dan pendidikan, maka para guru dan para pendidik adalah golongan yang amat penting dan tanggungjawab dalam menyampaikan, mengajar, memperkaya dan memperkasa para pelajar serta masyarakat dengan pelbagai ilmu pengetahuan dan juga kemahiran sehingga menjadi insan yang berilmu, berjaya dan berakhlaq mulia.

Dalam agama kita, mengajarkan ilmu yang bermanfaat itu adalah amalan yang dipandang tinggi dan dipandang mulia. Daripada Abu Umamah Al-Bahili Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

"Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala, para malaikat dan semua penduduk di langit dan di bumi, sehingga semut di sarangnya dan ikan (di lautan) pasti berselawat (mendoakan)

Guru Berkualiti Pemacu Transformasi Pendidikan

kebaikan bagi orang yang mengajarkan kebaikan kepada manusia". (Hadis Riwayat Imam Termizi)

Guru adalah insan mulia yang mengajar dan mendidik kita tanpa mengenal erti penat dan erti alah. Justeru, segala kesusahan dan jerih payah yang mereka tempuh dalam mengajar dan mendidik kita, perlulah kita hormati dan hargai.

Perlu diketahui, bahawa tugas sebagai seorang guru dan pendidik itu bukanlah suatu tugas yang mudah. Ia menuntut kepada pengorbanan dan komitmen dari segi masa, tenaga, wang ringgit dan seumpamanya. Oleh itu, antara cara yang boleh kita lakukan bagi menghargai jasa para guru dan pendidik itu, antaranya :

Pertama : Mengucapkan ucapan terima kasih sebagai tanda menghargai jasa dan menghargai kebaikan mereka. Ini kerana adakalanya kebaikan seseorang itu tidak mampu untuk kita balas dalam bentuk perbuatan, harta benda ataupun kewangan namun dengan ucapan terima kasih adalah sudah mencukupi sebagai tanda pujian dan penghargaan terhadap kebaikan tersebut.

Daripada Usamah bin Zaid Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Barang siapa yang diperlakukan dengan baik kemudian dia mengucapkan jazakallah khairan (semoga Allah membala kebaikanmu dengan sebaik-sebaik pembalasan), maka sungguh dia telah memberikan pujian yang terbaik". (Hadis Riwayat Imam Termizi)

Kedua : Mengamalkan segala ilmu yang telah mereka curahkan.

Ketiga : Sentiasa mengeratkan hubungan silaturahim walaupun telah tamat pengajian.

Keempat : Mendoakan kesejahteraan dan kebaikan untuk mereka. Manakala bagi guru-guru yang telah kembali kerahmatullah, sama-sama kita mendoakan semoga dosa-dosa mereka diampunkan dan roh mereka dicucuri rahmat oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Selain itu, banyak hikmah yang dapat kita peroleh dengan menghormati dan menghargai guru, antaranya memperoleh kejayaan hidup di dunia dan

juga di akhirat, mudah mengingati dan memahami apa yang dipelajari, membentuk peribadi serta akhlak yang mulia dan yang paling penting ialah memperoleh ilmu yang diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Menjawat profesi atau kerjaya sebagai seorang guru dan pendidik bukanlah suatu tugas yang mudah kerana mereka perlu berhadapan dengan karenah dan perangai pelbagai pihak terutamanya para ibu bapa dan pelajar-pelajar.

Oleh yang demikian, para guru dan pendidik hendaklah sentiasa bersifat sabar dan tabah dalam mendidik dan menyampaikan ilmu pelajaran. Apa yang penting dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai seorang guru dan pendidik itu ialah untuk mencari keredaan Allah Subhanahu Wata'ala dan berusaha demi kejayaan dan kecemerlangan anak-anak bangsa, agama dan negara.

Sesungguhnya segala jasa dan amal bakti seorang guru dan pendidik itu dalam menyampaikan ilmu yang bermanfaat kepada anak didik akan melayakkan dirinya mendapat ganjaran pahala yang sentiasa berterusan, meskipun setelah guru itu pergi menghadap Ilahi. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Sesungguhnya yang didapat oleh orang yang beriman dari amalan dan kebaikan yang ia lakukan setelah ia mati adalah ilmu yang ia ajarkan dan sebarkan, anak soleh yang ia tinggalkan, mushaf Al-Quran yang ia wariskan atau masjid yang ia bangun atau rumah bagi Ibnu Sabil (musafir yang terputus perjalanan) yang ia bangun atau sungai yang ia alirkan atau sedekah yang ia keluarkan dari hartanya ketika ia sihat dan hidup. Semua amalan tersebut sentiasa akan mengiringi dirinya setelah kematianya". (Hadis Riwayat Ibnu Majah)

Alhamdulillah pada 23 September setiap tahun, negara kita Brunei Darussalam menyambut Sambutan Hari Guru. Sambutan ini merupakan satu pengiktirafan yang tinggi terhadap para guru dan pendidik di negara ini yang telah berjasa terhadap pembangunan masyarakat dan negara.


'Guru Berkualiti Pemacu Transformasi Pendidikan' ialah tema Sambutan Hari Guru pada tahun ini. Guru berkualiti ialah guru yang memiliki sahsiah yang teguh dan tinggi yang boleh dicontoh, mempunyai pengetahuan yang luas dan mendalam tentang aspek dan bidang pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan tahap kebolehan pelajar yang diajar. Ini didukung oleh ciri-ciri sikap yang berkualiti termasuk sentiasa berfikiran positif, terbuka dan mampu beradaptasi dengan setiap perubahan mengikut rentak revolusi pendidikan yang pantas.

Guru yang berkualiti adalah guru yang memenuhi keperluan pelajar dalam pelbagai aspek sama ada dari segi pengajaran dan pembelajaran, sahsiah, kemahiran, kepakaran dan pengurusan. Guru yang berkualiti juga merupakan pemacu transformasi pendidikan ke arah merealisasikan pendidikan yang berkualiti sebanding dengan negara-negara maju.

Akhirnya buat insan yang bergelar guru dan pendidik, sama-sama lah kita berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar mereka sentiasa istiqamah serta diberikan kekuatan dan kesabaran dalam mendidik dan membimbing anak watan. Semoga diberikan ganjaran oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Mudah-mudahan Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa memberi petunjuk, inayah dan rahmat kepada para guru dan pendidik sama ada yang masih hidup ataupun yang telah kembali kerahmatullah. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Apabila dikatakan kepada kamu : "Lapangkanlah tempat duduk di majlis-majlis (untuk orang lain)," maka lapangkanlah, nescaya Allah memberi kelapangan untuk kamu. Dan apabila dikatakan : "Berdirilah", hendaklah kamu berdiri nescaya Allah meninggikan orang-orang yang beriman antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama beberapa darat. Dan Allah Maha Teliti terhadap apa yang kamu kerjakan". (Surah Al-Mujadilah, ayat 11)

Platform bertukar-tukar fikiran, menjalinkan ukhuwah



Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, melalui Fakulti Bahasa Arab dengan kerjasama Fakultas Adab dan Sains Kemanusiaan, Universiti

SEMINAR yang diadakan secara dalam talian tersebut disertai oleh para peserta yang terdiri daripada para tenaga akademik, mahasiswa-mahasiswi dari kedua-dua universiti serta para ilmuwan.

And History.

Seminar yang diadakan secara dalam talian tersebut telah disertai oleh seramai 132 orang peserta yang terdiri daripada para tenaga akademik, mahasiswa-mahasiswi daripada kedua-dua buah universiti serta para ilmuwan.

Dalam ucapan pembukaan, Dekan Fakulti Bahasa Arab, UNISSA, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Abdullah, telah menekankan akan kepentingan mempertahankan dan mengekalkan identiti Islam.

Dalam dunia moden yang serba mencabar tambahnya, banyak pihak yang bertanggungjawab dalam melaksanakan amanah ini. Selain daripada peranan keluarga, para Da'ie dan media sosial, institusi pengajian tinggi juga memikul peranan yang penting.

Justeru jelasnya lagi, pendekatan dan pemahaman kepada mereka perlu dititikberatkan bagi menjamin kelestarian sebuah negara.

Turut hadir pada seminar tersebut, Dekan Fakultas Adab dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Negeri Sunan Ampel, Surabaya, Dr. H. Muhammad Kurjum M.Ag.

Seramai tiga orang pembentang telah mengongsikan pendapat mereka dalam seminar tersebut. Mereka terdiri daripada Profesor Dr. Imam Ghazali, MA dari Fakultas Adab dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Negeri Sunan Ampel, Surabaya; Dr. Ahmed Yani dari Fakulti Bahasa Arab, UNISSA; dan Dr. Abdul Razak Abdulroya Panaemalae dari Walailak Universiti, Thailand.

Seminar antarabangsa tersebut, selain ia merupakan platform bagi bertukar-tukar fikiran dalam kalangan peserta yang menyertai seminar, ia juga dihasratkan dapat menjalinkan ukhuwah antara peserta.

Seminar diakhiri dengan sesi soal jawab dan bergambar ramai.

Islam Negeri Sunan Ampel, Surabaya telah mengadakan Seminar Antarabangsa Reconstructing Islamic Identity Through Language, Literature

GURU BERKUALITI

Pemacu Transformasi Pendidikan

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 26 Safar 1444H/ 23 September 2022M

Antara cara yang boleh kita lakukan bagi menghargai jasa para guru dan pendidik:

1 Mengucapkan ucapan “terima kasih” sebagai tanda menghargai jasa dan kebaikan mereka.

2 Mengamalkan segala ilmu yang telah mereka curahkan.

3 Sentiasa mengerakkan hubungan silaturrahim walaupun telah tamat pengajian.

4 Mendoakan kesejahteraan dan kebaikan untuk mereka.

Manakala bagi guru-guru yang telah kembali kerahmatullah, sama-sama kita mendoakan semoga dosa-dosa mereka diampunkan dan roh mereka dicucuri rahmat.



23 September setiap tahun

- Sambutan Hari Guru
- Tema tahun ini: **Guru Berkualiti Pemacu Transformasi Pendidikan**



دعاء موهن کشد اللہ سقایی فرسلامہ
درقد بلاء دان سکل جنس پاکیت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلٰةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلٰى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ³ كَالِيَّ.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاوَاتِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ٣٧ كَالِمٌ

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ حَيْرُ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاوَاتِ.
اللَّهُ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَنْبِيَاءِ دَاءَ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَحْنَا وَبِاللَّهِ
أَخْتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحْصَنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالجَبَرُوتِ.
وَأَعْتَصْمَنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَمِيِّ الَّذِي لَا
يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئَاتِ
الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنْنَا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي
كُلِّ مَكَانٍ أَبْلَاءَ وَأَلْوَبَاءَ وَالْطَّعْنَ وَالْطَّاغِعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ
وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ
شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ 3 كالي ۝

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِيهِ وَصَاحِبِيهِ وَسَلَّمَ،
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu ‘alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan juga di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah,

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

آية الكرسي

اللَّهُمَّ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُومُ لَا تَأْخُذْنَا مُحَمَّدًا سِنَةً وَلَا نُوْمًا لَمَّا مَاتَ فَالسَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مِنْ ذَلِكَ يَشْفَعُ عِنْهُ إِلَّا يَادِنَّهُ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسَعَ كُرْسِيَهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ حَفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ ﴿٦٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

70 kali.

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَّاهَ كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَاماً تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعُقْدُ، وَتُنْفَرِجُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُنْقَضِي بِهِ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَخُسْنُ الْحَوَالَاتِ، وَيُسْتَسْقَى بِالْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engku limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahnianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِدَنِي، فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبُ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engku. Engku telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejadian yang ku lakukan. Aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engku".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذَكْرُ بِچاءِنْ يَعْمَلُوا كَبِراً وَنَتوَعْنُ سَاعَتْ بَسْرَ كَفْدَ قَعْمَلَنْ (تَولُقَ بَلَاءَ)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
وَلَا حُوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung Jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(3)

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(2)

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنَعْمَ الوَكِيلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(1)

يَا حَمِّيُّ يَا قَيُومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْيِثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(5)

وَأَفْوَضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya kepada Allah jua)).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

(4)

NBD SERTAI MESYUARAT AEM, MESYUARAT BERKAITAN DI KEMBOJA



AHLI Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN (ASEAN-BAC) Brunei semasa menghadiri Mesyuarat ASEAN-BAC Ke-94, Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN BAC dan Mesyuarat Majlis Perniagaan Bersama (JBC) Ke-20 pada 14 hingga 15 September 2022 di Sokha Siem Reap Resort and Convention Centre di Siem Reap, Kemboja.

Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 September. - Ahli-ahli Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN (ASEAN-BAC) Brunei baru-baru ini, menghadiri Mesyuarat ASEAN-BAC Ke-94, Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN-BAC (AEM-ASEAN BAC) dan Mesyuarat Majlis Perniagaan Bersama (JBC) Ke-20 pada 14 hingga 15 September 2022 di Sokha Siem Reap Resort and Convention Centre di Siem Reap, Kemboja.

Delegasi mewakili sektor swasta daripada 10 buah negara ASEAN dan rakan kongsi ASEAN menyertai mesyuarat tersebut. Tema untuk Kepengerusian Kemboja ialah 'Mengatasi Cabaran Bersama'.

Pada permulaan Mesyuarat ASEAN-BAC Ke-94, Pengerusi ASEAN BAC, Okhna Kith Meng melahirkan penghargaan atas kehadiran ahli ASEAN BAC daripada 10 buah negara anggota ASEAN untuk menghadiri mesyuarat kali kedua yang diadakan secara fizikal bagi majlis berkenaan.

Pengerusi juga memaklumkan maklumat terkini mengenai Kepengerusian Kemboja dan mengadakan perbincangan positif dengan para ahli.

ASEAN BAC berpeluang

berinteraksi dengan Menteri-menteri Ekonomi ASEAN pada 15 September di bawah pimpinan Menteri Perdagangan dan Pengerusi Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN, Tuan Yang Terutama Pan Sousak, dan dihadiri oleh 10 orang Menteri Ekonomi ASEAN dan pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Semasa perbincangan berkenaan, para Menteri Ekonomi ASEAN dan Setiausaha Agung ASEAN telah mengambil kira semua cadangan yang dibangkitkan oleh ASEAN BAC dan menggesa semua institusi berkaitan untuk bekerjasama rapat.

Pelbagai isu meluas mengenai RCEP, penjagaan kesihatan, peralihan tenaga hijau, transformasi digital, ketersambungan dan ketahanan rantai bekalan, tumpuan mewujudkan pekerjaan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), ekonomi pekeliling, sambungan perdagangan digital dan kemas kini dari Myanmar telah dibentangkan.

Pengerusi Bersama ASEAN BAC, Haslina Taib, yang juga selaku Pengerusi Kumpulan Kerja Transformasi Digital ASEAN BAC, mengemas kini keutamaan kumpulan kerja.

Bidang tumpuan ditujukan kepada orang ramai dan penyelesaian perniagaan terutamanya kelayakan, penyepadan dan kebolehoperasian, keupayaan dan set kemahiran, e-dagang dan perdagangan serta perkhidmatan kewangan dan fintech.

Beliau kemudian membentangkan pratonton kepada Platform Pentaulahan Digital ASEAN, atau AKREDI. Platform digital AKREDI yang dinanti-nantikan secara meluas ialah Projek Legasi ASEAN-BAC daripada Kepengerusian Brunei dalam ASEAN baru-baru ini, dengan nota konsep dan bukti konsepnya diperkenalkan dalam Seminar Perniagaan dan Pelaburan ASEAN 2021, yang kemudiannya dikenali sebagai 'ASEAN Digital Gateway and Travel Wallet Project'.

Ini diikuti dengan Mesyuarat JBC ke-20 dengan para ahli ASEAN BAC dan para ahli JBC dari Amerika Syarikat, China, Eropah, Jepun, United Kingdom, dan lain-lain.

Mesyuarat berkenaan menyediakan maklumat terkini daripada AEM-ASEAN BAC dan perbincangan dengan Majlis Perniagaan Bersama termasuk kemas kini mengenai Kumpulan Kerja Penjagaan Kesihatan, Kumpulan Kerja Ekonomi Mampan dan Kumpulan Kerja Transformasi Digital yang diketuai oleh

Pengerusi ASEAN BAC Brunei, Haslina Taib.

"Terdapat beberapa siri mesyuarat yang mengharmonikan pelbagai aliran kerja di bawah badan sektor yang berbeza dalam ASEAN dan seterusnya.

"Pendigitalan dan kemampunan kekal sebagai tema penting. Kami berbesar hati kerana projek legasi Brunei AKREDI, pencapaian pertama telah selesai, dalam menyokong pergerakan bakat dan sumber di seluruh rantau ini," kata Pengerusi ASEAN BAC Brunei dan Ketua Pegawai Eksekutif Dynamik Technologies, Haslina Taib.

"Sokongan daripada Menteri Ekonomi ASEAN dan perpaduan daripada rakan kongsi ASEAN memainkan peranan yang sangat penting dalam mengekalkan perpaduan yang kukuh," jelas Pengarah Urusan The Adinin Group of Companies, Awang Musa Adnin.

Beliau seterusnya menambah

mengenai pengumuman permohonan ABA 2022 yang kini dibuka.

Awang Musa Adnin, dalam kapasitinya sebagai Pengerusi Bersama ABA 2021, mengundang dan amat menggalakkan penyertaan oleh ahli komuniti perniagaan.

Aplikasi mereka menurutnya lagi akan menyediakan peluang unik untuk mendakwa aras perniagaan mereka terhadap persaingan serta peluang untuk mengembangkan rangkaian mereka dan meneroka potensi pakatan.

"Semasa penglibatan dengan Menteri Ekonomi ASEAN, kepentingan sumbangan ASEAN BAC telah diakui dalam mewakili pandangan daripada sektor swasta.

"Disebabkan ini, Menteri-menteri Ekonomi ASEAN menyeru kerjasama yang lebih erat dan dialog yang lebih kerap dengan ASEAN BAC," kata Pengurus Besar PDS Abattoir, Haji Md. Sabirin Haji Othman.

Selepas kejayaan penganjuran program perniagaan di bawah Pengurus Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN 2021, ASEAN BAC Brunei berharap untuk meneruskan wacana dan penglibatan perniagaan dengan sektor awam dan swasta NBD bersama-sama dengan ASEAN, Majlis Perniagaan Rakan Dialog dan komuniti yang lebih luas, bersama APEC BAC, melalui Program Ekonomi NBD, di mana Persidangan Perniagaan Kebangsaan akan dihoskan pada bulan November.

ASEAN BAC akan menganjurkan Malam Gala Anugerah Perniagaan ASEAN tahunan pada 9 November 2022 dan Sidang Kemuncak Perniagaan dan Pelaburan ASEAN pada 10 November 2022 di Phnom Penh, Kemboja.

Penutupan Pusat Vaksinasi Pusat Pembelajaran dan Perkembangan Kesihatan

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

Lokasi	Hari Beroperasi	Waktu Beroperasi
Pusat Kesihatan Seria	Isnin, Selasa, Khamis dan Sabtu (tutup pada setiap hari Rabu)	8.00 pagi – 11.30 pagi dan 1.45 petang – 4.00 petang
Pusat Kesihatan Sungai Liang	Setiap hari Rabu sahaja	8.00 pagi – 11.30 pagi dan 1.45 petang – 4.00 petang

BELAIT, Rabu, 21 September. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Pusat Vaksinasi Pusat Pembelajaran dan Perkembangan Kesihatan yang terletak di Hospital Suri Seri Begawan akan ditutup secara rasmi mulai Khamis, 25 Safar 1444H bersamaan dengan 22 September 2022.

Berikut dengan penutupan tersebut, mulai Sabtu, 24 September 2022, orang ramai yang ingin mendapatkan suntikan vaksin COVID-19 bolehlah mendapatkan perkhidmatan tersebut di lokasi-lokasi berikut, pada hari dan waktu yang dinyatakan.

Pusat Kesihatan Seria beroperasi pada Isnin, Selasa, Khamis dan Sabtu (tutup pada setiap Rabu) bermula jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 1.45 petang hingga 4.00 petang.

Manakala, Pusat Kesihatan Sungai Liang beroperasi pada setiap Rabu sahaja bermula jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 1.45 petang hingga 4.00 petang.

Bagi maklumat lanjut, orang ramai juga boleh menghubungi Talian Darussalam 123 pada bila-bila masa atau melayari laman sesawang www.moh.gov.bn, media sosial rasmi: @mohbrunei atau melalui aplikasi BruHealth.

Bina rantaian bekalan serantau berdaya tahan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 23 September. - Ahli-ahli East Asia Business Council (EABC) Brunei Council pada 16 September 2022 yang lalu mengambil bahagian dalam The 55th EABC Meeting and ASEAN Plus Three Economic Minister's (AEM+3) yang diadakan di Siem Reap, Kemboja.

Pengerusi EABC, Okhna Kith Meng telah menzahirkan penghargaan dan terima kasih di atas kehadiran para Ahli EABC dan State Partners pada mesyuarat tersebut yang buat pertama kali diadakan secara fizikal selepas sahaja mesyuarat sebelum ini yang juga diadakan dengan jayanya secara hibrid pada bulan Julai 2022 lalu.

Semasa mesyuarat tersebut, pengerusi juga mengulangi

kembali akan tema EABC untuk tahun 2022 iaitu 'Reconnecting East Asia for Dynamic, Inclusive and Sustainable Regional Recovery'.

Sehubungan itu, bertepatan dengan tema tersebut, pengerusi juga menyatakan akan inisiatif dan cadangan telah ditumpukan kepada tiga bidang utama iaitu dengan memudahkan dan memasyarakatkan pelaksanaan Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP), membuka kunci kecekapan dan keberhasilan produktiviti daripada inovasi digital dan membina semula rantaian bekalan serantau yang berdaya tahan bagi perniagaan khususnya di rantau ini.

Pada bulan Julai 2022 yang lalu, EABC juga turut terlibat dengan Sesi Mesyuarat ASEAN

Senior Economic Officials Meeting (SEOM +3) di mana ia merupakan respons yang sangat membina khususnya buat pegawai-pejawai yang telah memperkuatkannya lagi pelan kerja bagi tahun tersebut dan pengerusi berharap akan sokongan padu serta kerjasama erat antara AEM+3 dan ahli-ahli EABC akan dapat dilaksanakan.

Oleh yang demikian, EABC mempunyai peluang untuk bersama-sama dengan AEM+3 yang diadakan pada 17 September 2022 di Siem Reap, Kemboja.

Selaku ahli kepada EABC dan Majlis Perniagaan ASEAN, Musa Adnin yang juga selaku Managing Director of The Adinin Group of Companies, menghadiri pertemuan tersebut bersama dengan ASEAN Economic Ministers Plus Three (AEM+3).

55 PELAJAR TERIMA SIJIL KURSUS ASAS PERTOLONGAN CEMAS



PEMANGKU Pengarah Jabatan Pendidikan Kokurikulum (JPKK), Kementerian Pendidikan, Awang Mohammad Norilham bin Haji Jais selaku tetamu kehormat menyampaikan sijil kepada para peserta.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Azmah Haji Ahad

BERAKAS, Khamis, 22 September. - Seramai 55 pelajar Ahli Pasukan Kadet Bulan Sabit Merah yang telah menamatkan Kursus Asas Pertolongan Cemas bagi para Ahli Pasukan Kadet Bulan Sabit Merah, Sekolah-

sekolah Menengah Negara Brunei Darussalam menerima sijil masing-masing pada majlis yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (L3), Kementerian Pendidikan, Kampung Perpindahan Lambak Kanan.

Penyampaian sijil kepada para

peserta disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Jabatan Pendidikan Kokurikulum (JPKK), Kementerian Pendidikan, Awang Mohammad Norilham bin Haji Jais, selaku tetamu kehormat majlis.

Kursus anjuran Kementerian Pendidikan melalui Unit Beruniform dan Perkhidmatan Kemasyarakatan, JPKK dengan kerjasama Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) berkenaan telah melibatkan para pelajar dari 11 buah sekolah menengah kerajaan.

Kursus berkenaan bertujuan untuk memberikan pengiktirafan dan pendedahan kepada para Ahli Pasukan Kadet Bulan Sabit Merah sekolah sebagai sukarelawan dalam mengendalikan pertolongan awal kecemasan dan mempersiapkan para ahli kadet dengan kemahiran kursus pertolongan awal kecemasan.

Kursus telah dijalankan selama tiga hari bermula 19 hingga 21 September 2022 bertempat di Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat.

SEBAHAGIAN daripada peserta yang hadir terdiri dari Ahli Pasukan Kadet Bulan Sabit Merah Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab.



Pengumuman sekuriti Sukuk Al-Ijarah Ke-210

Series	Issuance Date	Maturity Date	Tenor	Rental Rate
210	8 September 2022	7 September 2023	364 Days	2.5000%

Siaran Akhbar dan Infografik : Brunei Darussalam Central Bank

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 September. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), ejen kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam mengurus dan mentadbir pengeluaran Sukuk Al-Ijarah, dengan sukacitanya

mengumumkan kejayaan penentuan harga bagi pengeluaran sekuriti Sukuk Al-Ijarah Ke-210.

Jumlah pengeluaran sukuk adalah sejumlah BND50 juta seperti berikut iaitu pada Siri Ke-210, tarikh pengeluaran pada 8 September 2022, sementara tarikh matang adalah pada 7 September 2023 dalam jangka masa tenor selama

364 hari pada kadar sewa 2.5000 peratus.

Dengan pengeluaran tersebut, Kerajaan Negara Brunei Darussalam (NBD) setakat ini mengeluarkan lebih BND15.64 bilion nilai sekuriti Sukuk Al-Ijarah jangka pendek, sejak tawaran pertama pada 6 April 2006 dan baki tertunggak pegangan jumlah Sukuk Kerajaan NBD sehingga 8 September 2022 berjumlah BND270 juta.



Mengaku bersalah miliki barang tegahan

Oleh : Nooratini Haji Abas

KUALA BELAIT, Rabu, 21 September. - Seorang lelaki warganegara Malaysia, mengaku bersalah atas dua pertuduhan di bawah Seksyen 146 (1) (d) Perintah Eksais, 2006, atas kesalahan memiliki barang tegahan.

Tertuduh, Kong Han Yuen, berumur 38 tahun, dijatuhi hukuman denda BND97,000 di Mahkamah Majistret, Kuala Belait, di sini.

Walau bagaimanapun, tertuduh telah menjelaskan denda tersebut hari ini.

Kong Han Yuen didakwa atas kesalahan memiliki 199 (vape juice), 89 (MOD, E-Cigarettes), 94 (aksesori vape), wang tunai BND9,849 dan wang tunai SGD55 ketika ditangkap oleh Bahagian Pengukuasaan Undang-Undang, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja di sebuah rumah di kawasan Kilanas pada 29 Oktober 2021.

Semua barang-barang yang terlibat, iaitu vape juice, MOD, E-Cigarettes, aksesori vape, dihukum rampas dan diserahkan ke kerajaan bagi tujuan dimusnahkan, manakala wang tunai BND4,547, iaitu hasil penjualan vape dihukum rampas.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia

Sila muat turun **PenggunaBijak**

Get the latest prices of selected key food commodities

App Store Google play

کمترین کسبتی
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

KANAK-KANAK YANG DIJANGKITI COVID-19

<https://bit.ly/3pmKocp>

MAHASISWA UTB ADAKAN LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE JABATAN PENERANGAN



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Khamis, 22 September. - Seramai sembilan mahasiswa yang sedang mengikuti pengajian di Universiti Teknologi Brunei (UTB) dalam jurusan Bachelor of Science (Hons) in Communication petang tadi mengadakan lawatan sambil belajar ke Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri.

Rombongan yang diketuai oleh Ketua Program Pusat

Perhubungan, Pengajaran dan Pembelajaran (CCTL) UTB, Dr. Hajah Mas Ayu Kartika Dewi binti Haji Mumin dialu-alukan oleh Pegawai Penerangan Kanan, Ketua Bahagian Pelita Brunei, Awang Haji Fathi Foad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar di Bilik Persidangan, Tingkat 2, Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan.

Awang Haji Fathi Foad semasa mengalu-alukan rombongan



MAHASISWA dan mahasiswi Universiti Teknologi Brunei (UTB) mengadakan lawatan sambil belajar di Bahagian Pelita Brunei dan di Unit Foto (kiri dan atas).

menjelaskan adalah menjadi tugas dan tanggungjawab Jabatan Penerangan melalui Bahagian Pelita Brunei untuk menjadikan Pelita Brunei yang merupakan akhbar rasmi kerajaan sebagai sumber rujukan kerajaan dan orang ramai, di samping memainkan peranan penting untuk meningkatkan minat orang ramai dalam membaca akhbar tersebut

sebagai usaha Whole of Nation Approach serta mereka bentuk berita-berita yang menarik dan menjadikan teknologi sebagai perkembangan dan kemajuan Pelita Brunei.

Para pelajar yang mengikuti modul LC2312 Media Writing berkenaan seterusnya berkesempatan untuk melihat lebih dekat proses dan gerak kerja

akhbar Pelita Brunei.

Sementara di Unit Foto, mereka mendengarkan penerangan mengenai tugas dan tanggungjawab unit berkenaan dalam menerbitkan imej positif mengenai Negara Brunei Darussalam melalui perkhidmatan fotografi kepada media dan orang ramai, selain diberikan penerangan mengenai pendigitalan gambar dan menyaksikan kerja-kerja mengimbang negatif lama.

Rombongan seterusnya berkesempatan untuk melawat Galeri Lentera Makmur yang telah dirasmikan pada 10 April 2021 dan merupakan nilai tambah kepada platform penyebaran maklumat yang sedia ada. Galeri berkenaan memfokuskan kepada empat aspek, iaitu Raja Kita; Strategik Bahan-bahan Terbitan; Strategik Komunikasi Bersemuka; dan Strategik Perhubungan dan Media Baharu.

Juga hadir, Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Haji Awang Emzah; dan Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini; serta kakitangan dan pegawai dari Jabatan Penerangan.



ROMBONGAN seterusnya berkesempatan untuk melawat Galeri Lentera Makmur yang telah dirasmikan pada 10 April 2021 (atas dan kanan).



Suntik semangat patriotisme dalam diri penuntut



BELAIT, Khamis, 22 September. - Seramai 83 penuntut Pusat

Tingkatan Enam (PTE) Belait menghadiri Program Taklimat

Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan
Foto : Dk. Nur Haflah Pg. Osman

PARA penuntut Pusat Tingkatan Enam (PTE) Belait semasa menghadiri Program Taklimat Kenegaraan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam' anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik bertempat di Lecture Theatre 1 sekolah berkenaan, hari ini.

Taklimat antara lain menyentuh mengenai peranan penuntut sebagai rakyat yang mempunyai tanggungjawab bukan sahaja sebagai ahli keluarga tetapi juga kepada masyarakat dan negara.

Para penuntut perlu sedar bahawa mereka adalah ejen perubahan yang akan membentuk negara khususnya pada masa hadapan. Justeru, mereka perlu mempersiapkan diri dengan pendidikan dan aktiviti kemasyarakatan seperti

kesukarelawanan dan kepimpinan.

Taklimat Kenegaraan disampaikan oleh Pemangku Ketua Unit Kenegaraan, Awang Haji Abdul Hanif bin Haji Abd. Rahim.

Penyampaian hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan kendalian Jabatan Penerangan mengakhiri program taklimat tersebut.

Turut hadir ialah Guru Kanan Pentadbiran, PTE Belait, Dayang Jasmin binti Jumat dan juga para tenaga pengajar.

Antara tujuan program ini di adakan adalah untuk menanamkan rasa cinta kepada raja, bangsa dan negara di samping menyentuh semangat patriotisme dalam diri para penuntut melalui taklimat yang disampaikan, selain sama-sama mendukung matlamat Wawasan Brunei 2035 dan inisiatif dalam Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035.

Kenegaraan 'Peranan dan Tanggungjawab sebagai Rakyat



**MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM**

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM
DI BANDAR SERI BEGAWAN**

KES NO. BCY / CP / 37 / 2022

**PERBADANAN TABUNG
AMANAH ISLAM BRUNEI**
- Pemutang Penghakiman /
Pemetisyen

**PENGIRAN SARIFUDDIN BIN
PG BESAR**
(BYIC No. 01-126982)

- Penghutang Penghakiman /
Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK
PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh **26 Mei 2022**.

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa satu perjumpaan
pemutang-pemutang mengenai
perkara di atas akan diadakan di
Pejabat Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat 2 Bilik (R2-1), Mahkamah
Besar pada **25 Ogos 2022, jam
9.00 pagi**.

Bagi membolehkan kamu
mengundi di sana bukti-bukti kamu
mestilah diserah-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan
di perjumpaan ini mestilah diserah-
simpan kepada saya tidak lewat
dari 24 jam sebelum waktu yang
telah ditetapkan bagi perjumpaan
ini.

Pemeriksaan awam bagi
Penghutang adalah ditetapkan
pada **25 Ogos 2022, jam 9.00 pagi**
di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemutang yang
telah menyerahkan bukti, atau
wakil-wakilnya yang diberi kuasa
secara bertulis, bolehlah menyoal
penghutang semasa pemeriksaan
awam penghutang, mengenai dengan
hal-halnya dan juga sebab
kegalannya.

Bertarikh :
27 Jun 2022

KES NO. BCY / CP / 17 / 2022

BIBD AT-TAMWIL BERHAD
- Pemutang Penghakiman /
Pemetisyen

**MUHAMMAD HANIF BIN
EMRAN**
(BYIC No. 304932)

- Penghutang Penghakiman /
Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK
PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh **12 Mei 2022**.

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa satu perjumpaan
pemutang-pemutang mengenai
perkara di atas akan diadakan di
Pejabat Pegawai Penerima Rasmi
Tingkat 2 Bilik (R2-1), Mahkamah

Besar pada **24 Ogos 2022, jam
11.30 pagi**.

Bagi membolehkan kamu
mengundi di sana bukti-bukti kamu
mestilah diserah-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan
di perjumpaan ini mestilah diserah-
simpan kepada saya tidak lewat
dari 24 jam sebelum waktu yang
telah ditetapkan bagi perjumpaan
ini.

Pemeriksaan awam bagi
Penghutang adalah ditetapkan
pada **24 Ogos 2022, jam 11.30
pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemutang yang
telah menyerahkan bukti, atau
wakil-wakilnya yang diberi kuasa
secara bertulis, bolehlah menyoal
penghutang semasa pemeriksaan
awam penghutang, mengenai dengan
hal-halnya dan juga sebab
kegalannya.

Bertarikh :
27 Jun 2022

KES NO. BCY / CP / 24 / 2022

BAIDURI BANK BERHAD
- Pemutang Penghakiman /
Pemetisyen

PNG KHENG HUAT
(Trading under the name
GOLDMAX ENTERPRISE)
(BYIC No. 01-112009)

- Penghutang Penghakiman /
Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK
PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh **12 Mei 2022**.

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa satu perjumpaan
pemutang mengenai perkara di
atas akan diadakan di Pejabat
Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat
2 Bilik (R2-1)** Mahkamah Besar
pada **24 Ogos 2022 jam 11.00
pagi**.

Bagi membolehkan kamu
mengundi di sana bukti-bukti kamu
mestilah diserah-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan
di perjumpaan ini mestilah diserah-
simpan kepada saya tidak lewat
dari 24 jam sebelum waktu yang
telah ditetapkan bagi perjumpaan
ini.

Pemeriksaan awam bagi
Penghutang adalah ditetapkan
pada **24 Ogos 2022 jam 11.00
pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemutang yang
telah menyerahkan bukti, atau
wakil-wakilnya yang diberi kuasa
secara bertulis, bolehlah menyoal
penghutang semasa pemeriksaan
awam penghutang, mengenai dengan
hal-halnya dan juga sebab
kegalannya.

Bertarikh :
27 Jun 2022

KES NO. BCY / CP / 246 / 2021

**BANK ISLAM BRUNEI
DARUSSALAM BERHAD**

IKLAN

- Pemutang Penghakiman /
Pemetisyen

**AWANG MOHAMMAD ADENI
BIN SALLEH**
(BYIC No. 00-281563)

- Penghutang Penghakiman /
Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK
PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh **14 Mei 2022**.

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa satu perjumpaan
pemutang-pemutang mengenai
perkara di atas akan diadakan di
Pejabat Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat 2 Bilik (R2-1) Mahkamah
Besar pada **24 Ogos 2022 jam
10.30 pagi**.

Bagi membolehkan kamu
mengundi di sana bukti-bukti kamu
mestilah diserah-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan
di perjumpaan ini mestilah diserah-
simpan kepada saya tidak lewat
dari 24 jam sebelum waktu yang
telah ditetapkan bagi perjumpaan.

Pemeriksaan awam bagi
Penghutang adalah ditetapkan
pada **24 Ogos 2022 jam 10.30
pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemutang yang
telah menyerahkan bukti, atau
wakil-wakilnya yang diberi kuasa
secara bertulis, bolehlah menyoal
penghutang semasa pemeriksaan
awam penghutang, mengenai dengan
hal-halnya dan juga sebab
kegalannya.

Bertarikh :
25 Jun 2022

KES NO. BCY / CP / 288 / 2020

BIBD AT-TAMWIL BERHAD
(Formerly known as IBB
KREDIT Berhad)

- Pemutang Penghakiman /
Pemetisyen

**MUHAMMAD KHAIRUL BIN
ABDULLAH @
FREDI BIN DUA**
(BYIC No. 00-297075)

- Penghutang Penghakiman /
Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK
PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh **9 April 2022**.

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa satu perjumpaan
pemutang mengenai perkara di
atas akan diadakan di Pejabat
Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat
2 Bilik (R2-1)** Mahkamah Besar
pada **24 Ogos 2022 jam 9.30
pagi**.

Bagi membolehkan kamu
mengundi di sana bukti-bukti kamu
mestilah diserah-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi
Penghutang ditetapkan pada **22
Ogos 2022 jam 10.00 pagi** di
Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemutang yang
telah menyerahkan bukti, atau
wakil yang diberi kuasa secara
bertulis, menyoal penghutang
semasa pemeriksaan awam
penghutang, mengenai dengan hal
dan juga sebab kegalannya.

Bertarikh :
23 Jun 2022

KES NO. BCY / CP / 247 / 2021

BIBD AT-TAMWIL BERHAD
(Formerly known as IBB
KREDIT Berhad)

- Pemutang Penghakiman /
Pemetisyen

RAYMEE BIN ABIDIN
(BYIC No. 00-297095)

- Penghutang Penghakiman /
Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK
PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh **9 April 2022**.

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa satu perjumpaan
pemutang-pemutang mengenai
perkara di atas akan diadakan di
Pejabat Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat 2 Bilik (R2-1) Mahkamah
Besar pada **24 Ogos 2022 jam 9.30
pagi**.

Bagi membolehkan kamu
mengundi di sana bukti-bukti kamu
mestilah diserah-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan
di perjumpaan ini mestilah diserah-
simpan kepada saya tidak lewat
dari 24 jam sebelum waktu yang
telah ditetapkan bagi perjumpaan
ini.

Pemeriksaan awam bagi
Penghutang ditetapkan pada
24 Ogos 2022 jam 9.30 pagi di
Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemutang yang
telah menyerahkan bukti, atau
wakil yang diberi kuasa secara
bertulis, menyoal penghutang
semasa pemeriksaan awam
penghutang, mengenai dengan hal
dan juga sebab kegalannya.

Bertarikh :
22 Jun 2022

perkara di atas akan diadakan di
Pejabat Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat 2 Bilik (R2-1) Mahkamah
Besar pada **22 Ogos 2022 jam
11.30 pagi**.

Bagi membolehkan kamu
mengundi di sana bukti-bukti kamu
mestilah diserah-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan
di perjumpaan ini mestilah diserah-
simpan kepada saya tidak lewat
dari 24 jam sebelum waktu yang
telah ditetapkan bagi perjumpaan
ini.

Pemeriksaan awam bagi
Penghutang ditetapkan pada **22
Ogos 2022 jam 11.30 pagi** di
Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemutang yang
telah menyerahkan bukti, atau
wakil yang diberi kuasa secara
bertulis, menyoal penghutang
semasa pemeriksaan awam
penghutang, mengenai dengan hal
dan juga sebab kegalannya.

Bertarikh :
22 Jun 2022

**SYARIKAT (PENGGULUNGAN)
NO. BCY / ICWP / 8 / 2021**

**DALAM PERKARA AKTA
PERINTAH INSOLVENSI
(PENGGULUNGAN) ATURAN
2018**

DAN

**DALAM PERKARA TAN PENG
LAM**

**NOTIS PERJUMPAAN
PERTAMA PEMIUTANG**

(Di bawah Perintah Penggulungan
bertarikh **10 Mac 2022**.

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa Perjumpaan Pertama
Pemiutang mengenai perkara di
atas akan diadakan di Pejabat
Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat
2 Bilik (R2-1)** Mahkamah Besar
pada **15 Ogos 2022 jam 11.00
pagi**.

Bagi membolehkan kamu
mengundi di sana bukti-bukti kamu
mestilah diserah-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang telah
ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan
di perjumpaan ini mestilah diserah-
simpan kepada saya tidak lewat
dari 24 jam sebelum waktu yang
telah ditetapkan bagi perjumpaan
ini.

Bertarikh :
9 Julai 2022

KES NO. BCY / CP / 244 / 2022

**BANK ISLAM BRUNEI
DARUSSALAM BERHAD**
- Pemutang Penghakiman /
Pemetisyen

MOHAMMAD HELMI BIN OMIT
(BPIC No. 31-005468)

- Penghutang Penghakiman /
Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN
PERTAMA**

>> Muka 22
NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 17 Mac 2022.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi Tingkat 2 Bilik (R2-1), Mahkamah Besar pada 11 Ogos 2022, jam 9.30 pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada 11 Ogos 2022, jam 9.30 pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalannya.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi Tingkat 2 Bilik (R2-1), Mahkamah Besar pada 11 Ogos 2022, jam 9.30 pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada 11 Ogos 2022, jam 9.30 pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalannya.

Bertarikh :
7 Julai 2022

KES NO. BCY / CP / 212 / 2021

BIBD AT-TAMWIL BERHAD
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

NORSIAH BINTI HAJI AHMAD
(BYIC No. 00-272061)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 12 Februari 2022.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi Tingkat 2 Bilik (R2-1), Mahkamah Besar pada 15 Ogos 2022, jam 11.30 pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan

11.30 pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada 11 Ogos 2022, jam 11.30 pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalannya.

Bertarikh :
7 Julai 2022

KES NO. BCY / CP / 31 / 2022

PERBADANAN TABUNG AMANAH ISLAM BRUNEI
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

HAJI RONEE BIN HAJI ABDUL HAMID
(BYIC No. 265937)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 19 Mac 2022.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi Tingkat 2 Bilik (R2-1), Mahkamah Besar pada 15 Ogos 2022, jam 9.00 pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan

bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada 15 Ogos 2022, jam 11.30 pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalannya.

Bertarikh :
22 Jun 2022

HJH NOOR AMALINA BINTI DP HAJI ALAIHUDDIN

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 195 / 2022

BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM BERHAD
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

MAZMULYATI @ MAS MARIANI BINTI ABDULLAH
(BPIC No. 30-200275)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 30 April 2022.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi Tingkat 2 Bilik (R2-3), Mahkamah Besar pada 2 Ogos 2022, jam 9.00 pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan

bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada 2 Ogos 2022, jam 9.00 pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalannya.

Bertarikh :
9 Julai 2022

MOHAMMAD MARZUQI BIN SABTU

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 88 / 2022

BAIDURI BANK BERHAD
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

MUSTAFA ANAK JAWI
(BPIC No. 30-106274)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 21 Julai 2022.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi Tingkat 2, Mahkamah Besar pada 29 Ogos 2022, jam 9.00 pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada 29 Ogos 2022, jam 9.00 pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalannya.

Bertarikh :
1 Ogos 2022

KAMALIAH FADHILAH BINTI HJ IBRAHIM

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 22 Januari 2022.

KES NO. BCY / CP / 99 / 2021

BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM BERHAD
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

ZAIDI BIN HJ SABTU
(PD No. 256013)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 22 Januari 2022.

NOTIS JUALAN LELONG SECARA TAWARAN TERTUTUP

Peti Tawaran Sebut Harga Unit Pengangkutan dan Bengkel Bahagian Pengurusan Aset dan Kemudahan Penyimpanan Jabatan Perkhidmatan Elektrik Batu Besurat Gadong Negara Brunei Darussalam

Tarikh Iklan Dibuka :
Isnin,
12 September 2022

Tarikh Iklan Ditutup :
Rabu,
12 Oktober 2022

JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN TENAGA

NOTIS JUALAN LELONG SECARA TAWARAN TERTUTUP

Peti Tawaran Sebut Harga Unit Pengangkutan dan Bengkel Bahagian Pengurusan Aset dan Kemudahan Penyimpanan Jabatan Perkhidmatan Elektrik Batu Besurat Gadong Negara Brunei Darussalam

Tarikh Iklan Dibuka :
Isnin,
12 September 2022

Tarikh Iklan Ditutup :
Rabu,
12 Oktober 2022

</

٢٣ سبتمبر
HG32
SAMBUTAN
HARI GURU

سَيِّمْبُونْ هَارِيْ كُورُوْلَ - ٣٢

SAMBUTAN HARI GURU KE-32

26 Safar 1444H · 23 September 2022M



كُورُوْلَ كُورُالِيْتِيْ أَقْمَّاْ حُرْ تَرْنِسْفُورْمَاسِيْ قَنْدِيلِيْقَنْ

Guru Berkualiti Pemacu Transformasi Pendidikan

ERATKAN SILATURAHIM MENERUSI ACARA KEAGAMAAN



AHLI Majlis Pengawasan Kejiranan Kampung (PK) Sungai Besar, Sungai Belukut dan Serdang bersama anggota PK Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) semasa mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil (atas dan atas kanan).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

SUNGAI BESAR, Khamis, 22 September. - Ahli Majlis Pengawasan Kejiranan Kampung (PK) Sungai Besar, Sungai Belukut dan Serdang bersama anggota PK Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), hari ini, mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin

dan Tahlil bagi mengerakkan hubungan kerjasama dan silaturahim menerusi acara keagamaan yang berlangsung di Masjid Kampung Sungai Besar, di sini.

Pengerusi PK, Awang Haji Zaini bin Haji Damit selaku Pemangku

Ketua Kampung Sungai Besar, Sungai Belukut dan Serdang dalam ucapannya berkata bahawa dengan adanya majlis sedemikian akan menjadi landasan terbaik dalam mengukuhkan kesefahaman di antara kedua-dua agensi.

"Aktiviti bermanfaat buat julung kalinya ini sudah tentu akan mengukuhkan lagi hubungan sekali



gus akan menyumbang kepada kejayaan dalam mencapai hasrat untuk menjaga keharmonian dan keselamatan kampung-kampung berkenaan,"jelasnya.

Turut hadir pada majlis tersebut, Pemangku Pegawai OCS, BSB, Syed Mohammad Afidzul Azeez bin Sheikh Haji Abu Bakar dan Penasihat Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid Kampung Sungai Besar, Awang Haji Mohidin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Juga hadir ialah Pemangku Penghulu Mukim Kota Batu dan Pemangku Ketua Kampung Subok, Awang Lawi bin Haji Lamat; Penasihat AJK Takmir Masjid Serdang, Awang Haji Daud bin Taha dan Ahli-ahli PK Kampung Sungai Besar, Sungai Belukut dan Serdang di samping para jemaah.

Bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil telah dikepalai oleh Ketua Imam Masjid Kampung Sungai Besar, Awang Haji Hanafiah bin Haji Mahmud.

Solat Hajat, Ceramah Motivasi menjelang peperiksaan



SEKOLAH Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah semasa mengadakan Majlis Solat Sunat Hajat, Membaca Surah Yaa Siin dan Ceramah Motivasi bagi calon PSR pada tahun ini.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 September. - Bagi menyuntik semangat dan kesedaran betapa pentingnya membuat persiapan diri dari segi emosi dan mental kepada pelajar calon Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) 2022, Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SR YSHHB), hari ini, mengadakan Majlis Solat Sunat Hajat, Membaca Surah Yaa Siin dan Ceramah Motivasi bagi calon PSR pada tahun ini.

Seramai 153 pelajar termasuk ibu bapa dan guru-guru Tahun 6 turut menyertai majlis berkenaan yang berlangsung di dewan sekolah tersebut, di sini.

Hadir bagi sama-sama menyemarakkan lagi majlis tersebut dan juga selaku tetamu kehormat, Pengetua SR YSHHB, Dayang Hajah Mariam binti Haji Ladi.

Majlis dimulakan dengan Surah Al-Fatiyah dan Selawat Tafrijiyah yang diketuai oleh salah seorang pelajar calon PSR iaitu Muhammad Syaamil bin Haji Kamarul Azam.

Bacaan doa dan Solat Sunat Hajat dipimpin oleh Muhammad Nabil bin Haji Maidin, manakala bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dipimpin oleh Pengiran Haji Mohd. Yusran bin Pengiran Haji Md. Yusof.

Sebelum majlis berakhir, Pengetua SR YSHHB mewakili

guru-guru telah mengambil kesempatan untuk menyampaikan kata-kata motivasi kepada para pelajar yang akan menduduki peperiksaan.

Majlis disusuli dengan Ceramah Motivasi yang disampaikan oleh Kaunselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor.

Majlis yang berkebajikan ini diadakan bertujuan untuk memberi dorongan dan galakkan kepada para pelajar agar berusaha lebih gigih menimba ilmu pengetahuan dan seterusnya meraih kejayaan cemerlang dalam peperiksaan yang bakal menjelang.

Selain itu, objektif majlis ini juga adalah untuk memberikan kesedaran kepada pelajar akan pengorbanan ibu bapa mereka.

Dengan peperiksaan utama

Mohon keberkatan dalam menghadapi peperiksaan



ANTARA pelajar yang menghadiri Majlis Solat Hajat, Membaca Surah Yaa Siin dan Izin Ilmu yang berlangsung di Jame' Asr Hassanal Bolkiah.

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 September. - Seramai 334 pelajar Tahun 8 dan Tahun 11 Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SMJA) menghadiri Majlis Solat Hajat, Membaca Surah Yaa Siin dan Izin Ilmu yang berlangsung di Jame' Asr Hassanal Bolkiah Kampung Kiarong, di sini.

Majlis yang turut dihadiri para ibu bapa serta penjaga pelajar tersebut adalah khusus bagi para pelajar yang akan menduduki Peperiksaan Kemajuan Pelajar (SPE) dan G.C.E 'O' Level pada tahun ini.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Sunat Hajat, bacaan Doa Peperiksaan dan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai yang diimamkan dan dibimbing oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Jame' Asr Hassanal Bolkiah, Pengiran Ahmad Faris Ramadhan bin Pengiran Haji Sellahuddin.

Acara diteruskan lagi dengan Majlis Izin Ilmu dan Restu Ibu Bapa atau Penjaga dan Guru-guru, dengan para pelajar hanya bersalaman dengan ibu bapa sendiri sahaja.

Majlis berkenaan bertujuan bagi memohon keberkatan dan kejayaan dalam menghadapi SPE dan G.C.E 'O' Level, di samping memohon pertolongan Allah Subhanahu Wata'alaa agar diper mudahkan urusan dalam menghadapi peperiksaan yang bakal dihadapi.

Selain itu, majlis berkenaan juga bertujuan untuk mengerakkan lagi hubungan silaturahim antara para pelajar, guru-guru dan ibu bapa sekolah berkenaan.

seperti PSR, Peperiksaan Kemajuan Pelajar (Student Progress Examination - SPE) dan BC GCE 'O' Level yang bakal bermula tidak lama lagi, sekolah-sekolah di seluruh negara

giat mengadakan Majlis Solat Sunat Hajat, membaca Surah Yaa Siin dan Doa Khas bagi memohon keberkatan Allah Subhanahu Wata'alaa agar para pelajar mendapat keputusan cemerlang.

NBD MASIH BERADA DI PENGHUJUNG MONSUN BARAT DAYA

Siaran Akbar : Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 September. - Negara Brunei Darussalam masih berada di penghujung Monsun Barat Daya, di mana liruan angin Barat Daya masih dominan dan keadaan atmosfera adalah stabil.

Walau bagaimanapun, keadaan cuaca negara pada beberapa hari kebelakangan ini adalah aktif disebabkan oleh pengaruh secara tidak langsung daripada sistem-sistem taufan yang melanda kawasan Barat Laut Lautan Pasifik.

Keadaan cuaca aktif masih diramalkan berlaku pada minggu ini terutamanya pada 22 dan 23 September disebabkan oleh pembentukan awan hujan yang aktif yang berpotensi menyebabkan hujan berangin ribut atau hujan badai berlaku sekali-sekala di negara kita.

Hujan berangin ribut atau hujan badai dijangka sekali sekala menjadikan kawasan negara, terutamanya di kawasan laut dan boleh merebak ke kawasan darat. Kelajuan angin boleh meningkat sehingga 50kmsj.

Di perairan Brunei, keadaan laut pada amnya berombak sedikit, di paras 0.4 meter hingga 1.0 meter.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah awal akan kejadian cuaca aktif yang diramalkan berlaku.

Terdapat risiko berlakunya banjir kilat terutamanya di kawasan-kawasan rendah dan mudah banjir serta di kawasan berdekatan tebing sungai semasa hujan lebat yang berterusan dan semasa kejadian air pasang.

Kejadian tanah susur dan pokok

tumbang juga boleh berlaku semasa hujan lebat dan keadaan berangin.

Orang ramai, para pemandu di jalan raya dan juga para pelaut dinasihatkan supaya sentiasa peka dengan ramalan, nasihat dan amaran cuaca terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam dan membuat perancangan yang bersesuaian untuk keselamatan semua.

Kami akan terus memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa, dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika perlu.

Maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini boleh diterima dengan lebih mudah melalui aplikasi bimbit kami iaitu Brunei WX, kerana, maklumat, nasihat dan amaran cuaca dapat diterima terus sebaik sahaja nasihat atau amaran terkini dikeluarkan.

Selain itu, maklumat cuaca terkini juga boleh diperoleh dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114, atau melayari laman sesawang www.met.gov.bn atau melalui laman Facebook @bruneiweather dan Instagram @bruneiweather.

Memperkasakan masyarakat dalam meningkatkan kesedaran mengenai Demensia



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ihsan Demensia Brunei



DEMENSIAS Brunei dengan sokongan Kementerian Kesihatan; Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Universiti Brunei Darussalam; dan Davos Alzheimer Collaborative mengadakan aktiviti Saringan Masyarakat Untuk Demensia yang berlangsung di beberapa buah tempat di negara ini (kiri dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 September. - Bulan September merupakan Sambutan Bulan Demensia Sedunia, yang disambut pada 21 September.

Sambutan berkenaan merupakan kempen antarabangsa bagi meningkatkan kesedaran mengenai penyakit Demensia dan cabaran stigma.

Setiap tahun, Persatuan-persatuan Demensia termasuk mereka yang terlibat dalam rawatan, penjagaan dan sokongan kepada mereka yang menghidap Demensia di seluruh dunia bersatu padu menganjurkan acara-acara advokasi dan menyalurkan maklumat, serta pelbagai inisiatif pengumpulan dana.

Ia merupakan tindak balas global, serantau dan kebangsaan untuk meningkatkan kesedaran terhadap Demensia dan apa yang boleh kita lakukan bagi memberi sokongan mereka yang menghidap Demensia.

Sehubungan itu, Demensia Brunei dengan sokongan Kementerian Kesihatan; Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Universiti Brunei Darussalam; dan Davos Alzheimer Collaborative mengadakan aktiviti Saringan Masyarakat Untuk Demensia yang berlangsung di beberapa buah tempat di negara ini.

Projek berkenaan dihasilkan untuk mencapai kumpulan sasaran, iaitu warga berumur 60 tahun ke atas, dan juga 50 tahun ke atas yang mempunyai

risiko kepada Demensia, seperti hipertensi, diabetes mellitus, penyakit jantung, penyakit buah pinggang atau strok.

Proses saringan melibatkan kepada melihat faktor risiko seseorang untuk Demensia, gejala atau tanda amaran Demensia, dan alat penilaian kognitif ringkas.

Semasa projek saringan yang diadakan di Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Lambak, kira-kira 80 orang warga emas dari PKWE hadir pada sesi berkenaan.

Acara berkenaan merupakan sesi pendidikan bagi para warga emas yang mengongsikan pelbagai maklumat penting seperti faktor risiko Demensia, gejala atau tanda amaran Demensia dan penilaian kognitif ringkas yang disampaikan oleh Pegawai Perubatan Geriatrik, Dr. Jian Yu Lei, dan seterusnya mengetuai proses saringan di PKWE Lambak.

Sementara itu, aktiviti saringan yang sama juga turut diadakan di Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (IHS PAPRSB), Universiti Brunei Darussalam (UBD) selama dua hari pada 19 dan 21 September 2022.

Semasa acara berkenaan, dua taklimat disampaikan dalam bahasa Melayu dan Inggeris dan diketuai oleh Penolong Profesor, Dr. Asmah Husaini, dan dibantu oleh para pelajar

kejururawatan.

Juga dianjurkan ialah Bengkel Kemahiran Penjagaan Demensia bertempat di Bangunan Tambahan IHS PAPRSB, UBD, di mana penyampaian taklimat bengkel

yang berlangsung selama tiga hari disediakan oleh Demensia Brunei, berdasarkan kepada sumber yang diperolehi daripada Alzheimer's Disease International, dan disampaikan oleh Perunding Pakar Geriatrik,

Dr. Shyh Poh Teo.

Bulan September dihasilkan untuk memperkasakan masyarakat bagi melaksanakan tanggungjawab masing-masing, iaitu 'Bersama, kita dapat membuat lebih banyak'.



TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Wujudkan Masyarakat Sihat Tanpa Dadah'. Tarikh Tutup : 28 September 2022
2. 'Terapkan Sikap Jujur, Amanah Dalam Berniaga'. Tarikh Tutup : 5 Oktober 2022
3. 'Guru Berkualiti Pemacu Transformasi Pendidikan'. Tarikh Tutup : 12 Oktober 2022

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



Kempen Kenali Negara Kitani

Oleh : Unit Perhubungan Awam Jabatan Kemajuan Pelancongan

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Foto : Ihsan Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

KEMPEN Kenali Negara Kitani bukanlah satu konsep yang asing bagi warga Negara Brunei Darussalam. Kempen Kenali Negara Kitani ataupun lebih dikenali sebagai KNK pertama kalinya dilancarkan pada bulan November 2006. Sejak itu, KNK sering digunakan dan menjadi simbolik dengan usaha-usaha ke arah menggalakkan penduduk tempatan untuk mengunjungi tempat-tempat menarik di negara ini. Objektif utama KNK adalah untuk mempromosikan pelancongan domestik, meningkatkan kesedaran kepada orang ramai mengenai tempat-tempat yang menarik serta produk-produk pelancongan yang terdapat di Negara Brunei Darussalam. Tujuannya adalah supaya orang ramai dan penduduk di negara ini lebih cenderung untuk bercuti dan mengunjungi tempat-tempat pelancongan yang terdapat di keempat-empat daerah. Ini secara tidak

langsung membantu meningkatkan permintaan produk-produk tempatan seperti handikraf, produk pertanian, perikanan, produk 1 Kampung 1 Produk (1K1P) dan seumpamanya yang mana kesemuanya menyumbang kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Jabatan Kemajuan Pelancongan selaku penggerak utama dalam sektor pelancongan memainkan peranan penting dalam memberangsangkan aktiviti pelancongan domestik secara berterusan. Negara Brunei Darussalam dikenali sebagai sebuah negara aman makmur mempunyai tarikannya tersendiri yang lebih memfokuskan kepada pasaran *niche* khususnya dalam aspek ekopelancongan dan aktiviti pelancongan berdasarkan komuniti.

Pada 26 Ogos 2022, Jabatan Kemajuan Pelancongan telah melaksanakan

penjenamaan semula ataupun 'rebranding of KNK' sebagai usaha untuk memberkesan lagi Kempen KNK yang telah sedia dikenali. Penjenamaan semula KNK ini bukanlah hanya pembaharuan kepada logo dari segi visual, namun di sebalik itu juga membawa maksud pembaharuan dan penambahbaikan dari segi tarikan dan produk-produk pelancongan yang terdapat pada masa ini berbanding dahulu ketika KNK mula-mula diperkenalkan.

Penjenamaan KNK ini diikuti dengan beberapa strategi yang dirancang bermula dengan pelancaran Jerayawara Kenali Negara Kitani selama tiga hari bermula pada 26 Ogos 2022. Ini diikuti dengan beberapa aktiviti kempen seperti kuiz di radio dan program *travelogue* yang disiarkan di beberapa platform Radio Televisyen Brunei seperti rangkaian stesen radio dan televisyen; penceritaan pengalaman oleh beberapa 'Social Media Influencer' berkenaan pelbagai aktiviti yang dilakukan di platform masing-masing; dan 'User Generated Content' atau pemberitaan orang

awam yang terlibat secara *online* terutama di laman media sosial yang mana orang ramai akan mengongsikan pengalaman melancong di beberapa tempat menarik. Melalui aktiviti-aktiviti kempen ini diharapkan akan dapat memberikan lebih pendedahan kepada orang ramai agar mereka lebih mengenali pelbagai produk dan tempat menarik yang sedia ada, dan seterusnya membeli pakej pelancongan domestik yang ditawarkan oleh hotel-hotel, agensi-agensi pelancongan dan penyedia-penyedia perkhidmatan pelancongan domestik.

Dalam hubungan ini, pihak jabatan sukacita menyeru orang ramai bagi merebut peluang untuk mengunjungi tempat-tempat pelancongan dan merasai pengalaman bercuti di dalam negara bersama keluarga dan rakan-rakan. Layari laman sesawang www.bruneitourism.com atau kunjungi Instagram [brunei.tourism](https://www.instagram.com/brunei.tourism) dan [info.bruneitourism](https://www.info.bruneitourism) bagi mendapatkan maklumat lanjut berkaitan pelbagai produk dan aktiviti pelancongan yang boleh dijumpai di Negara Brunei Darussalam.





Guru, jasamu tetapku kenang

Oleh : Sahira Alidin
Ilustrasi : Meja Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

HARI ini merupakan hari pertama aku menjadi seorang guru. Pakaian 'Melayu Islam Beraja' akan menjadi pakaian harianku sewaktu bekerja. Aku mengikat tali kasutku. Baju kemeja ungu ini sudah menjadi pilihan bagi memulakan pekerjaanku. Aku berdiri tegak merenung diriku di hadapan cermin usangku ini. Hatiku berkata, "begitu jauh perjalananaku sehingga aku mencapai cita-citaku ini".

Jam menunjukkan 6.50 pagi. Aku baru sahaja sampai di tempat letak sekolah rendah ini. Aku bergegas mencari di manakah keberadaan bilik guru besar. Aku ternampak sekumpulan kanak-kanak sedang bermain di lorong bangunan itu. Aku menghampiri dan menyapa mereka, "Lai, di mana bilik guru besar kamu?" tanyaku kepada mereka.

"Di sana tu cikgu, yang pintu warna biru," jawab salah seorang murid tersebut.

Aku pun berlalu pergi dan sampai sahaja di hadapan pintu itu, hatiku berdebar-debar. Inilah permulaan kerjayaku yang aku tunggu-tunggu selama ini. Aku tahu, pasti akan ada perkara yang akan mencabar diriku dan juga emosiku. Aku perlu bersedia menghadapi semua ini. Ini adalah pilihan hidupku. Aku terus sahaja mengetuk pintu dan memberi salam. Tidak lama kemudian, pintu itu dibuka oleh seorang perempuan mengenakan baju kurung berwarna merah jambu. Kami bertatapan mata seketika, kemudian perempuan tersebut menjawab salamku dan tersenyum lebar.

"Kenapa kita? Kita mencari siapa?" perempuan itu bertanya dengan penuh ramah. "Saya ingin berjumpa guru besar di sini. Saya guru baharu di sini dan diarahkan untuk melaporkan diri. Puan guru besar di sini?" tanya ku kepadanya. "Oooo... Ya, saya. Silakan masuk," Jawab perempuan

tersebut sambil menunjuk ke suatu arah. Hampir 15 minit kami berbual mengenai tugas dan tanggungjawabku. Sebentar lagi, murid-murid akan berbaris dan bersedia untuk menyanyikan lagu kebangsaan dan doa pagi. Inilah adalah rutin harian murid, dan sewaktu aku bersekolah dahulu, aku juga begini.

Kakiku melangkah sambil memerhatikan kawasan bangunan sekolah tersebut. Akhirnya aku sampai juga di hadapan pintu bilik guru-guru. Beberapa persoalan yang bermain di dalam fikiranku. Di manakah aku akan diletakkan? Siapakah guru yang akan duduk sebelah mejaku ini? Bagaimanakah sifatnya? Adakah guru-guru di sini akan mesra dan menyambut kehadiranku dengan baik? Ah.. semua itu hanya persoalan yang belum pasti ada jawapannya. Aku pun mula membuka pintu bilik tersebut dan sedaya upaya aku cuba melupakan persoalanku itu tadi. Aku masuk dan memberi salam. Beberapa orang guru yang berdekatan dengan pintu itu menjawab salamku dan tersenyum lebar. Aku juga membala senyuman mereka dengan penuh harapan agar silaturahim kami sesama guru akan terjaga dengan baik. "Eh, kita guru baru di sini?" tanya seorang perempuan bermata sepet. "Awu kita. Saya baru di sini," jawabku sambil memegang beg kerjaku. "Mana ia guru baru atau? Bawa taya kemari," suara parau seorang lelaki yang agak berumur menghampiriku. Dia semakin dekat dengan diriku dan aku juga semakin hairan menatap wajahnya. Seolah-olah ada sesuatu yang menghempas ingatanku. Suara dan wajah itu seperti aku kenal dan pernah bersemuka denganannya. Lalu, aku terus sahaja bersalam dengan lelaki

tersebut. Dia mengarahkan aku untuk ikut bersamanya.

"Ani tempat dudukmu, kau duduk di ku ni ah. Namaku Cikgu Sofian. Nama kita?" "Saya Hussin," Jawabku sambil meletakkan begku di atas meja. "Kediaku ani mengajar Maths, kita Maths bah jua kan?" Tanya Cikgu Sofian lagi kepadaku. Apabila dia menyebut mata pelajaran Matematik tersebut, ingatanku seakan-akan pulih dan terus sahaja aku menetap matanya. Nama itu aku kenal, dan suaranya juga aku kenal. Cikgu Sofian merupakan guru Matematik sewaktu aku masih sekolah rendah Darjah 5.

Dia telah mendidikku dan memberi tunjuk ajar dengan baik sehingga aku berjaya mendapat gred 'A' dalam 'Penilaian Sekolah Rendah' sewaktu ketika dahulu. "Oh, ya cikgu. Saya mengajar Maths. Baru ku ingat bah muka cikgu ani. Dari tadi ku memeratikan, memikirkan. Cikgu dulu ada mengajar aku Darjah 5 sampai Darjah 6. Ingat kita kediaku cikgu? Hussin.. Yang suka bercakap, bemain, sama selalu tinggal buku dulu di kelas. Kita ada mendirikan aku di luar bilik darjah. Ingat kita? Hussin Si Murai.." kataku kepada Cikgu Sofian sambil mengimbas kembali suatu ketika dahulu. "Eh, macam ku ingat jua, kau kah Hussin yang dulu-dulu suka menyatur kawan-kawanmu ani?" Tanyanya lagi kepadaku. Aku tersipu malu dan menganggukkan kepala. Itulah ingatan guru-guruku suatu ketika dahulu, sebab aku adalah seorang yang nakal. "Eh, kau rupanya. Alhamdulillah, murid cikgu yang dulu gauk akhirnya berjaya. Duduk bersama cikgu lagi tu. Alhamdulillah lai.. Kau berjaya jua akhirnya," Cikgu Sofian mengucapkannya dengan penuh syukur sambil menepuk bahuku perlahan-lahan. Alangkah terkejutnya dirinya melihat aku berjaya menjadi seorang guru seperti dirinya. "Cikgu, terima kasih mengajar aku masa damit-damit dulu. Disebabkan cikgu tah aku

pandai Maths dan berjaya jadi guru Maths masa ani. Kalau bukan cikgu dahulu yang membagiku faham cara-cara belajar maths ani, mungkin aku inda akan duduk di sebelah cikgu ani. Terima kasih cikgu, jasa cikgu akanku kenang sampai bila-bila," Aku mengucapkan terima kasih kepada Cikgu Sofian yang telah mendidikku suatu ketika dahulu. Ku peluk erat tubuhnya yang sudah berusia itu. Aku berharap, silaturahim kami terjaga sebagai guru yang pernah mendidikku.

Hampir setengah tahun aku menjadi seorang. Begitu banyak dugaan dan cabaran yang aku hadapi. Perkara sebegini perlu aku kawal dengan baik. Jika aku ada masalah, aku akan meminta pendapat dan berbincang bersama Cikgu Sofian. Dia bukan sahaja guruku, tetapi dia juga sahabatku yang ada untukku apabila aku menghadapi kesusahan. Sekarang aku tahu, bukannya mudah menjadi seorang guru yang perlu menghadapi apa jua keadaan sekalipun. Hari demi hari, aku perlu semangat dan ingat bahawa aku mendidik anak bangsaku agar menjadi rakyat yang berpendidikan, berkemahiran dan berjaya suatu hari nanti. Ini adalah perjuanganku untuk agama, bangsa dan negara. Tiada alasan untukku mengeluh walaupun sesaat kerana aku tahu, setiap perkara perlu pengorbanan dan semangat yang kental. Benarlah kata orang-orang dahulu, guru adalah ibarat lilin yang membakar dirinya. Perjuangan seorang guru bukanlah mudah jika tubuhku ini yang merasakan. Mental dan fizikal perlu kuat. Setiap memulakan pekerjaan, aku akan berazam dan tahu apa yang ingin aku capai sebagai seorang guru yang menggalas tanggungjawab yang dipikul di bahu ini. Inilah tanggungjawabku terhadap anak bangsa, mereka pemangkin negara. Terima kasih cikgu, kini aku faham erti perjuangan seorang guru.

PENINGKATAN BAHAN ORGANIK JEJASKAN KUALITI AIR MENTAH

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 September. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa berkemungkinan berlakunya gangguan bekalan air di sebahagian kawasan Daerah Brunei dan Muara termasuk Mukim Lumapas, Mukim Kota Batu, sebahagian Mukim Berakas dan Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lambak Kanan.

Sejak beberapa hari kebelakangan ini, kualiti air mentah Sungai Tutong tidak konsisten dan mengakibatkan warna air mentah menjadi lebih gelap (kehitaman) daripada yang lazimnya kerana peningkatan bahan organik dan tanah yang mengalir ke hilir sungai melalui aliran permukaan tanah (*surface-runoff*).

Perkara ini telah menjasikan hasil pengeluaran air bersih di Loji Rawatan Bukit Barun dan juga menjasikan bekalan air ke tangki

BILIF terima pengiktirafan GIFA Excellence Award

Siaran Akhbar dan Foto :
Brunei Institute of Leadership and Islamic Finance

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 September. - Brunei Institute of Leadership and Islamic Finance (BILIF) telah menerima pengiktirafan di Global Islamic Finance Awards (GIFA) yang ke-12, dalam Kategori GIFA Excellence Award (Islamic Finance Training & Education) 2022 buat kali ke-3.

Tahun ini, penyampaian anugerah tersebut telah diadakan di Kempinski Palace Djibouti, Djibouti, pada Rabu, 14 September 2022.

GIFA diiktiraf di arena antarabangsa sebagai salah satu anugerah paling berprestij dalam industri kewangan dan perbankan Islam.

Anugerah yang dianjurkan secara tahunan oleh Edbiz International Advisors, United Kingdom ini memberi penghargaan kepada agensi kerajaan, institusi dan individu yang telah meraih kecemerlangan dalam menyumbang kepada

utama Kiarong yang membekalkan air ke kawasan Kota Batu, Subok dan Lumapas.

Walau bagaimanapun, pihak jabatan telah meningkatkan usaha untuk menangani isu air berwarna dengan melaksanakan pelbagai kerja operasi seperti memantau kualiti air mentah dan air proses setiap dua jam di Loji Rawatan Air, memantau kualiti air di tangki-tangki simpanan air dan juga rangkaian paip air setiap hari, penyelaras dos bahan kimia mengikut kualiti air mentah pada masa kini, memastikan segala tangki penapisan, kolam penjernih, dos kimia, pam-pam dan sebagainya di Loji Rawatan Air berfungsi dengan baik.

Selain itu, pihak jabatan juga telah menempatkan beberapa tangki air biru di beberapa lokasi seperti berikut.

Bagi kawasan Kampung Lumapas bertempat di Simpang 665-15 Jalan Mambarong, No. 71

Jalan Kecil Pawas; Pejabat Pos Lumapas dan Simpang 46-12 Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Kampung Lumapas.

Manakala, bagi kawasan Kampung Subok bertempat di Taman Riadah Tasik Sarubing dan Masjid Kampung Belimbang, Subok.

JKR ingin menasihatkan orang ramai untuk mengisi air bersih ke dalam bekas-bekas air dan bagi yang mempunyai tangki rumah dan penapis air persendirian dinasihatkan untuk memastikan peralatan tersebut sentiasa dalam keadaan bersih dengan melakukan rutin *flushing* dan *backwashing*.

Sehubungan itu, bagi orang ramai yang tidak mempunyai tangki rumah dan penapis, adalah disarankan untuk menghubungi Hotline Darussalam menerusi talian 123 ataupun melalui Whatsapp 123 (+673 8333123), Facebook : Jabatan Kerja Raya

Siaran Akhbar : Jabatan Kerja Raya

Brunei Darussalam ataupun Instagram JKBRUNEI agar pihak jabatan dapat melaksanakan kerja-kerja *flushing* ke atas pili-pili bomba berdekatan.

Orang ramai juga adalah diingatkan untuk memberikan

alamat penuh bagi memudahkan pihak jabatan untuk melakukan pemeriksaan.

Sebarang kesulitan adalah dikesali dan ingin berterima kasih atas kefahaman dan kesabaran orang ramai.

Kempen zahirkan pemedulian terhadap negara, masyarakat

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Ihsan Mahasiswa dan Mahasiswi Universiti Brunei Darussalam



ANTARA mahasiswa dan mahasiswi Universiti Brunei Darussalam (UBD) mengendalikan Kempen Kebersihan di Taman Herba Kampung Putat menerusi inisiatif Projek Kemasyarakatan Melayu Islam Beraja mereka.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 23 September. - Seramai 20 mahasiswa dan mahasiswi Universiti Brunei Darussalam (UBD) mengendalikan Kempen Kebersihan di Taman Herba Kampung Putat, baru-baru ini menerusi inisiatif Projek Kemasyarakatan Melayu Islam Beraja mereka.

Rombongan berkenaan dibahagikan kepada dua kumpulan, masing-masing diketuai oleh Awang Farzy Hafizam bin Adine Masirwan dan Awang Muhammad Amar Ikhwan bin Muhaimeen.

Sebelum memulakan kempen, Ketua Kampung Putat, Awang Zainol bin Haji Mohamed dalam penerangan ringkasnya antara lain menjelaskan, Taman Rekreasi Herba Kampung Putat ditubuhkan pada 10 Jun 2010 dan diusahakan untuk memupuk perpaduan penduduk kampung di dalam aktiviti bergotong-royong bagi mengeratkan kerjasama dan memperkenalkan herba kepada mereka.

Taman Herba itu katanya, dilengkapi dengan laluan pejalan kaki, bangku, pondok tempat bersantai-santai, tempat penyalian ikan / ayam / daging atau kambing (BBQ) dan taman ini juga sesuai untuk dijadikan tempat untuk beriadah dan rekreasi hujung minggu bersama keluarga.

Selain itu, menurut Awang Zainol, Taman Rekreasi Herba juga mempunyai pelbagai jenis herba (lebih kurang 85 spesies) seperti Buas-buas penalan (sinaran bulan), Pelibas Putih dan Kuning, Kunyit Hitam (Kunyit Hantu), Tongkat Ali, Limpanas, Daun Sambung dan lainnya, semua herba ini dibiarkan tumbuh secara alami dan air hujan itu sendiri menjadi penyubur tanah dan mengekalkan kesegarannya.

Sebelum pandemik COVID-19 melanda Negara Brunei Darussalam (NBD) dan dunia, katanya, Taman Rekreasi Herba itu menjadi salah satu tempat kunjungan ilmiah daripada institusi dalam dan luar negeri.

Atas inisiatif para pelajar UBD tersebut, Awang Zainol mewakili Majlis Perundingan Kampung (MPK) dan penduduk kampung sangat berbesar hati menerima mahasiswa dan mahasiswi UBD menjalankan projek kemasyarakatan bergotong-royong di Taman Herba Kampung Putat bersama-sama MPK dan penduduk kampung.

Mengimbas kembali pada zaman dahulu bergotong royong adalah amalan mulia yang selalu dibuat dalam kalangan masyarakat kita, di mana ia boleh mengeratkan perhubungan, saling kenal-mengenal di antara satu dan yang lain selain menanam semangat kerja berpasukan.

Adapun Projek Kemasyarakatan berkenaan diharap dapat membantu mahasiswa dan mahasiswi UBD untuk menanamkan sifat bertanggungjawab ke atas diri sendiri dan negara. Dengan projek ini juga boleh menzahirkan rasa pemedulian mahasiswa dan mahasiswi UBD terhadap negara tercinta NBD.



TINJAU AKTIVITI PERTANIAN DI MARSYA FARM



SERAMAI 20 guru subjek Commerce dari sekolah menengah dan maktab kerajaan serta beberapa sekolah menengah swasta membuat lawatan ke Marsya Farm.

**Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Sekolah-Sekolah**

BELAIT, Khamis, 22 September. - Seramai 20 guru subjek Commerce dari sekolah menengah dan maktab kerajaan serta beberapa sekolah menengah swasta telah membuat lawatan ke Marsya Farm yang terletak di Kampung Sungai Liang, Daerah Belait.

Kedatangan rombongan disambut oleh Pemilik Marsya Farm, Haji Awang Muliadi bin Awang Moksin yang seterusnya menyampaikan taklimat ringkas,

diikuti dengan lawatan persekitaran kawasan ladang dan sesi soal jawab.

Lawatan ini merupakan anjuran Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar yang juga merupakan Ahli Subject Based Committee (SBC) Commerce.


Tujuan lawatan adalah untuk mempelajari latar belakang Marsya Farm, jenis tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan dan usaha yang dibuat untuk meningkatkan pengeluaran dan promosi.

Diharapkan melalui lawatan ini, guru-guru subjek Commerce akan

dapat menggunakan maklumat yang diperoleh untuk diterapkan dalam pengajaran mereka terutama di bawah tajuk, 'Pengeluaran, Pengedaran dan Penjualan' dalam sukan pelajaran Commerce dengan menggunakan contoh tempatan kepada para pelajar.

Pada akhir lawatan tersebut, Dayang Siti Rouzillawatty binti Dato Paduka Haji Wahabi dari Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri yang merupakan Setiausaha SBC Commerce menyampaikan sijil penghargaan dan cenderamata kepada pemilik Marsya Farm.

Pupuk persahabatan, perkukuh persefahaman



JAPAN-East Asia Network of Exchange for Students and Youths (JENESYS) 2022 Program Pertukaran Japan-ASEAN secara maya bagi pelajar-pelajar sekolah menengah diadakan pada 12 hingga 22 September 2022.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 September. - Japan-East Asia Network of Exchange for Students and Youths (JENESYS) 2022 Program Pertukaran Japan-ASEAN secara maya bagi pelajar-pelajar sekolah menengah telah diadakan pada 12 hingga 22 September 2022.

JENESYS ialah program

pertukaran antara rakyat Jepun dan rantau Asia-Pasifik yang dilancarkan oleh Kerajaan Jepun.

JENESYS 2022 terdiri daripada Program Inbound dari rantau Asia-Pasifik, Program Outbound ke rantau Asia-Pasifik, Program Pertukaran secara maya dan Program Alumni secara maya.

Program tersebut bertujuan untuk menggalakkan kepercayaan dan persefahaman dalam kalangan rakyat Jepun dan rantau Asia-Pasifik serta memupuk persahabatan dan kerjasama sepanjang masa.

Di samping itu, program juga menggalakkan pemahaman tentang ekonomi, masyarakat, sejarah, budaya yang pelbagai, politik dan hubungan diplomatik


 كمترین صحیحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Suntikan  VAKSIN COVID-19 diberikan secara PERCUMA kepada semua rakyat dan penduduk yang bermastautin di Negara Brunei Darussalam



www.moh.gov.bn |   |  148

Bantu kesan Yuli Hartini

**Siaran Akhbar dan Foto :
Pasukan Polis Diraja Brunei**

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 September. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) memohon kerjasama dan bantuan orang ramai untuk mengesan seorang pekerja asing yang lari daripada majikan.

Butir-butir keterangan mengenai pekerja yang dimaksudkan adalah Yuli Hartini, 34 tahun, perempuan warganegara Indonesia, dengan no. pasport AU43139.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi Balai Polis Bandar Seri Begawan menerusi talian telefon +673 2242334 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau



YULI Hartini, pekerja asing yang lari daripada majikan.

mana-mana balai polis berdekatan.

Jepun.

Seramai dua pelajar Tahun 9 dan tiga pelajar Tahun 10 dari Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali serta seorang pelajar Tahun 9 dan empat pelajar Tahun 10 dari Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha menyertai program selama sembilan hari tersebut secara maya melalui aplikasi Zoom.

Antara perisian program tersebut

adalah sesi orientasi, kuliah dan bengkel, sesi kongsi sama dan perbincangan, school exchange, homestay experience, lawatan tempat-tempat menarik di Jepun dan mempelajari budaya Jepun secara virtual.

Para pelajar juga dikehendaki menyiapkan tugas dan mengongsikan bersama dapatkan mereka pada hari terakhir program tersebut.

INDONESIA TEGASKAN PERLUNYA SUSUN SEMULA STRATEGI PERANGI KEGANASAN



JAKARTA, 23 Sept. - Indonesia menegaskan keperluan untuk menyusun semula strategi memerangi keganasan alam siber bagi mengekang ancaman masa kini dan masa depan.

Menteri Luar Retno Marsudi membuat kenyataan itu ketika Mesyuarat Peringkat Menteri Forum Global Membanteras Keganasan (GCTF) ke-12 di New York pada Rabu.

Mesyuarat GCTF diadakan di luar Perhimpunan Agung Petubuhan Bangsa-Bangsa

Peringkat bertujuan merancang keutamaan dan aktiviti pada masa hadapan.

Retno, yang mempengerusikan secara bersama mesyuarat kumpulan memerangi ekstremisme ganas, berkata: "Ancaman keganasan terus meningkat di alam siber."

Beliau menegaskan bahawa pendekatan secara menyeluruh melibatkan kerajaan serta masyarakat, terutamanya wanita amat penting dalam membanters ekstremisme dan menangani keganasan.

keganasan.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini, beliau menyertu pengukuran kerjasama pakar teknologi untuk mencegah penggunaan infrastruktur maklumat bagi menangani keganasan siber.

Unit Perisikan Kewangan juga perlu bekerjasama dengan institusi perbankan dan kewangan untuk memutuskan rantaian pembiayaan keganasan, termasuk bertindak balas terhadap trend baru, seperti penggunaan mata wang

maya.

GCTF, ditubuhkan pada 2011, memberi tumpuan kepada pembinaan kapasiti dan rangkaian dalam memerangi keganasan, serta berkongsi pengalaman, pembinaan kapasiti, dan amalan terbaik.

Indonesia dan Australia baru-baru ini melancarkan pendekatan gender-sensitive untuk menangani ekstremisme.

- ©BERNAMA

Tanah runtuh di El Salvador ragut 7 nyawa

SAN SALVADOR, 23 Sept. - Sekurang-kurangnya tujuh orang maut akibat kejadian tanah runtuh yang dicetuskan hujan lebat di El Salvador pada Khamis, menurut Direktorat Perlindungan Awam negara itu.

Pengarah Sistem Perlindungan Awam Kebangsaan, Luis Alonso Amaya, berkata dua terbunuh di

perbandaran Panchimalco, San Salvador, manakala lima sekeluarga iaitu tiga kanak-kanak dan dua dewasa terkorban di perbandaran Huizucar, La Libertad.

Amaya menggesa orang ramai mematuhi arahan berpindah yang dikeluarkan Sistem Perlindungan Awam Kebangsaan, lapor Xinhua.

Negara Amerika Tengah itu mencatat 160 kejadian tanah runtuh dari 1 hingga 21 Sept.

Hujan lebat pada awal Khamis menyebabkan kejadian tanah runtuh di Panchimalco dan Huizucar, dikaitkan dengan gelombang tropika yang melanda wilayah itu. - ©BERNAMA

PBB perlu pembaharuan untuk kembalikan kredibilitinya : PM Jepun

ISTANBUL, 21 Sept - Perdana Menteri Jepun Fumio Kishida pada Selasa berkata Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) perlu membuat pembaharuan dan memperkuatkannya fungsinya untuk mengembalikan kredibilitinya susulan perang Rusia terhadap Ukraine.

Mendesak badan dunia itu untuk menegaskan semula mengenai pentingnya orde berasaskan peraturan antarabangsa, Kishida turut mengkritik Rusia kerana mengancam kemungkinan penggunaan senjata nuklear semasa konflik ketika

berucap pada Perhimpunan Agung PBB (UNGA) di New York.

Perdana Menteri Jepun itu berkata "tindakan yang khusus akan menjadi penting dalam mengembalikan kredibiliti Majlis Keselamatan (UNSC) (PBB)," lapor Agensi Anadolu.

Kishida berkata Jepun juga bersedia untuk adakan hubungan dengan Korea Utara dan beliau bersedia untuk bertemu dengan pemimpin Korea Utara Kim Jong Un tanpa sebarang prasyarat.

Kedua-dua negara bergelut dengan isu yang lahir dari era

perang, termasuk penculikan warga Jepun dan program nuklear Pyongyang.

"Sudah tiba masanya untuk kembali kepada idea dan prinsip-prinsip piagam dan menggerakkan kuasa dan kebijaksanaan kita untuk memastikan ketenteraman berdasarkan peraturan antarabangsa," kata Kishida.

Perdana Menteri Jepun juga menyebut bahawa percubaan untuk mengubah status quo dengan kekerasan dan paksaan tidak boleh dimaafkan. - ©BERNAMA

ADB turunkan unjur an pertumbuhan Asia kepada 4.3 peratus

MANILA, 21 Sept - Bank Pembangunan Asia (ADB) menurunkan unjurannya ke atas pertumbuhan ekonomi membangunan di Asia dan Pasifik kepada 4.3 peratus tahun ini, di tengah-tengah cabaran yang semakin meningkat di rantau itu, menurut laporan pada Rabu.

Unjur an pertumbuhan Asia 2022 yang dikemas kini, menunjukkan ekonomi rantau itu berkembang 4.9 peratus pada 2023, berbanding unjur an pengembangan sebanyak 5.3 peratus yang dibuatnya pada April lepas, lapor Xinhua.

Laporan itu menyebut

perbelanjaan dan pelaburan pengguna domestik kini memacu pertumbuhan selari dengan pemulihran ekonomi di rantau ini daripada pandemik, sebagaimana disumbangkan oleh vaksinasi dan penurunan kematian akibat COVID-19.

Bagaimanapun, ia menambah konflik Rusia-Ukraine yang berterusan, meningkatkan ketidaktentuan global, gangguan bekalan yang semakin buruk, serta pasaran tenaga dan makanan yang belum selesai. Pengetatan monetari yang lebih agresif oleh Rizab Persekutuan AS dan Bank Pusat Eropah, menjelaskan permintaan global dan

menjejaskan pasaran kewangan.

"Negara membangun di Asia terus pulih, namun risiko semakin meluas," kata Ketua Ekonomi ADB Albert Park, yang menggesa kerajaan negara membangun di Asia untuk terus berwaspada terhadap risiko ini dan mengambil langkah perlu untuk membendung inflasi tanpa menjelaskan pertumbuhan.

ADB juga menaikkan unjur an inflasi ke atas negara membangun di Asia tahun ini kepada 4.5 peratus daripada unjur an sebelumnya sebanyak 3.7 peratus. Unjur an untuk tahun depan adalah 4.0 peratus, meningkat daripada 3.1 peratus. - ©BERNAMA

Biden, Ketua PBB bincang perang Ukraine, perjanjian bijirin laut hitam di New York

NEW YORK, 22 Sept. - Presiden Amerika Syarikat (AS) Joe Biden bertemu dengan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Antonio Guterres pada Rabu untuk membincangkan beberapa isu termasuk perang Ukraine dan perjanjian bijirin Laut Hitam.

"Kedua-dua pemimpin menegaskan kembali perkongsian kukuh antara AS dan PBB," kata Rumah Putih dalam satu kenyataan mengenai pertemuan di ibu pejabat PBB semasa Perhimpunan Agung di New York, lapor Agensi Anadolu.

"Mereka membincangkan isu-isu mendesak yang dihadapi PBB, termasuk perang Rusia di Ukraine - yang jelas menggugat prinsip teras Piagam PBB - dan kesannya yang lebih luas kepada masyarakat antarabangsa," kata kenyataan itu.

Biden merakamkan penghargaannya kepada Guterres atas peranannya dalam mewujudkan Inisiatif Bijirin Laut Hitam yang diselaraskan oleh Turkiye pada Julai.

"Mereka turut menegaskan semula tindakan antarabangsa yang berterusan untuk menangani krisis iklim global dan keselamatan makanan," menurut kenyataan itu. - ©BERNAMA

Penguasaan Bahagian Pasaran Pembayaran Global RMB meningkat pada Ogos

BEIJING, 22 Sept - Penguasaan mata wang China, renminbi (RMB) atau yuan, menyaksikan peningkatan dalam pembayaran global bagi bulan keempat berturut-turut pada Ogos, lapor Xinhua yang memetik satu laporan.

Penguasaan global RMB meningkat daripada 2.2 peratus pada Julai kepada 2.31 peratus bulan lepas, menurut Persatuan bagi Telekomunikasi Kewangan Antarabank Sedunia, sebuah penyedia global dalam perkhidmatan pemesanan kewangan. Mata wang berkenaan kekal sebagai mata wang kelima paling aktif.

Pada Ogos, nilai pembayaran menggunakan RMB meningkat 9.25 peratus berbanding bulan sebelumnya, peningkatan yang lebih tinggi daripada 4.01 peratus bagi kesemua pembayaran mata wang.

Daripada segi pembayaran antarabangsa, tidak termasuk zon Euro, RMB menduduki tempat keenam dengan penguasaan 1.55 peratus. - ©BERNAMA

Badan Pemantau Kesihatan EU gesa Eropah bersedia kemunculan varian baharu COVID-19

THE HAGUE, 21 Sept - Agensi Perubatan Eropah (EMA) pada Selasa berkata meskipun kes COVID-19 di Eropah menurun, pandemik itu belum berakhir dan setiap negara harus bersedia berdepan gelombang baharu jangkitan.

"Data menunjukkan sejak beberapa minggu lalu terdapat penurunan secara menyeluruh dalam jumlah kes dan kematian disebabkan COVID-19 di Eropah," kata Ketua Strategi Ancaman Kesihatan dan Vaksin EMA Marco Cavaleri pada sidang akhbar.

"Bagaimanapun, musim luruh semakin hampir, dan kita perlu bersedia untuk berdepan gelombang baharu jangkitan," katanya.

Menurut Cavaleri keadaan yang sama berlaku sejak dua tahun lalu, apabila gelombang baharu muncul pada musim luruh, dan trend itu mungkin akan kembali tahun ini, lapor Xinhua.

Cavaleri juga menekankan mengenai pentingnya untuk mengesan varian baharu coronavirus.

"Varian Omicron BA.5 masih merupakan varian dominan yang menular di Eropah," kata Cavaleri. "Kami masih perlu berwaspada terhadap varian lain. Sebagai contoh, BA.4.6 sedang merebak dengan cepat di Amerika Syarikat dan telah pun dikesan di Eropah. Selain itu, varian BA.2.75 juga membimbangkan."

Ketua Pegawai Perubatan EMA Steffen Thirstrup berkata berdasarkan pembentangan Cavaleri, Eropah masih dilanda wabak itu. - ©BERNAMA



PELITA BRUNEI SUKAN

ATLET PENCAK SILAT NEGARA RAIH GANGSA



KONTINJEN Negara Brunei Darussalam, Md Izzamuddin bin Muhammad Taha meraih pingat gangsa buat negara bagi Acara Pencak Silat, Kategori Tanding Lelaki Kelas A dalam Sukan Malaysia (SUKMA) XX MSN 2022.

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman

Foto : Ihsan Urus Setia Delegasi Negara Brunei Darussalam
SUKMA XX, MSN 2022

MALAYSIA, Jumaat, 23 September. - Kontinjen Negara Brunei Darussalam, Md Izzamuddin bin Muhammad Taha meraih pingat gangsa buat negara bagi Acara Pencak Silat, Kategori Tanding Lelaki Kelas A dalam Sukan Malaysia (SUKMA) XX MSN 2022.

Pada acara tersebut, kontinjen negara terpaksa akur dengan pingat gangsa selepas tewas kepada kontinjen dari Kedah, Aizad bin Akbar pada peringkat separuh akhir dengan kiraan mata 15 - 27.

Sementara itu, dalam perkembangan lain, kontinjen negara bagi acara renang Men 100 LC Meter Backstroke peringkat akhir, Joel Ling Thai Yu berada di kedudukan keempat daripada lapan peserta dengan catatan masa 1:00:25 saat sekali gus mencatatkan rekod peribadi dan rekod kebangsaan baharu.

Kontinjen NBD dianggotai seramai 39 orang, terdiri daripada 25 atlet dan 14 pegawai, termasuk Chef de Mission, Ketua Urus Setia, Pegawai Urusetia, Jurulatih dan Kakitangan Perubatan.

Dalam Edisi SUKMA pada tahun ini, NBD menyertai sebanyak lima acara sukan, iaitu Akuatik (Renang), Karate, Petanque, Pencak Silat dan Wushu.

Penglibatan NBD dalam temasya SUKMA ini adalah sebagai pasukan jemputan, di mana pertama kali negara mengikutinya adalah pada tahun 1996, iaitu SUKMA Ke-VI, yang berlangsung di Negeri Pahang, Malaysia.

Tahukah Awda

PEMBUKAAN rasmi bangunan Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-76, Tahun 2022.

Dibina di tebing Sungai Brunei dengan keluasan kira-kira 4 hektar, Kompleks Yayasan merupakan salah sebuah bangunan komersial yang terbesar di tengah-tengah Bandar Seri Begawan. Kompleks ini terdiri daripada empat buah bangunan yang terbahagi kepada lapan blok dengan keluasan lantai kira-kira 110,350 meter persegi.

SUMBER : Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah - Bangunan Kompleks Yayasan (yshhb.org.bn)

ChainBlock wakili NBD pada Kejohanan Tarik Tali Solidariti Terbuka Tambunan Sabah



PASUKAN Tarik Kalat ChainBlock semasa bergambar ramai.

Siaran Akhbar dan Foto :
Persatuan Tarik Kalat Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 September. - Pasukan Tarik Kalat ChainBlock akan mengikuti Kejohanan Tarik Tali Solidariti Terbuka Tambunan Sabah pada 23 hingga 25 September 2022.

Persatuan Tarik Kalat Negara Brunei Darussalam yang diwakili oleh Setiausaha Agung Bersama, Pengiran Haji Md. Iskandar Shah bin Pengiran Haji Jadid; dan Pengiran Haji Bakar

bin Pengiran Haji Sulaiman telah sama-sama hadir bagi memberikan kata-kata semangat kepada ChainBlock yang diwakili oleh Presiden ChainBlock, Pengiran Haji Azizul bin Pengiran Haji Badaruddin serta atlet dan pengurus pasukan.

Pada kejohanan tersebut nanti, pasukan ChainBlock akan mengikuti Kategori Berat Badan 680 kilogram bagi lapan orang penarik.

ChainBlock merupakan juara

Tarik Kalat Kategori 'B' Peringkat Kebangsaan sempena Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-76, Tahun 2022.

ChainBlock telah menjalani latihan intensif sejak awal bulan September 2022 bagi persiapan kejohanan berkenaan.

Federer akan beraksi dalam perlawanan tenis terakhir

ANKARA, 22 Sept. - Lagenda tenis Switzerland Roger Federer, juara Grand Slam 20 kali, mengesahkan hari ini bahawa beliau akan beraksi pada perlawanan terakhir dalam kariernya di Piala Laver 2022 di London.

Pemain berusia 41 tahun itu mengumumkan persaraannya daripada sukan tenis minggu lalu kerana mengalami kecederaan pada lutut. Beliau tidak bermain sejak Wimbledon 2021, lapor Agensi Anadolu.

Bercakap pada sidang media di London's O2 Arena, Federer berkata beliau akan bermain untuk satu perlawanan pada Jumaat malam.

Federer mengakui berasa "gugup" untuk bersaing di Piala Laver kerana sudah lama tidak menyertai pertandingan.

"Jadi, saya cuba bersedia untuk perlawanan terakhir saya. Kita lihat bagaimana nanti. Saya gementar kerana sudah lama tidak bermain. Saya harap ia berjalan lancar."

Federer sebelum ini mengesahkan bahawa Piala Laver, yang akan bermula pada Jumaat, akan menjadi "acara ATP terakhinya."

Memulakan kerjaya tenis profesionalnya pada 1998, Federer berjaya muncul sebagai antara pemain hebat sepanjang zaman sukan itu.

Ikon Switzerland itu juga memegang rekod untuk gelaran Wimbledon terbanyak, dengan merangkul lapan kejuaraan.
- ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

KE ARAH MERELASIASIKAN PENDIDIKAN YANG BERKUALITI